



# **KEPERLUAN PROSEDUR PENDAFTARAN KONTRAKTOR & MANUAL PENGGUNA**

**JULAI  
2018**

**KEPERLUAN DAN PROSEDUR PENDAFTARAN KONTRAKTOR  
DENGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)**

Julai 2018

**Bahagian Pendaftaran Kontraktor dan Levi  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**

Hak Cipta Terpelihara

*Versi 02 (04 Jan 2018)*

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dengan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan secara bertujuan mendapatkan keuntungan sebelum mendapat izin bertulis daripada pengeluar.

## KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>A - PENGENALAN</b>	<b>1</b>
<b>B - TAKRIF</b>	<b>2</b>
<b>C – PANDUAN PERMOHONAN</b>	
<b>1.0 Siapakah Yang Boleh Memohon</b>	<b>4</b>
<b>2.0 Kaedah Cara Serahan Permohonan</b>	<b>4</b>
<b>3.0 Carta Alir Permohonan</b>	<b>4</b>
<b>4.0 Yuran Proses</b>	<b>5</b>
<b>5.0 Jenis Permohonan Dan Dokumen Sokongan</b>	<b>7</b>
<b>6.0 Tempoh Permohonan Diproses</b>	<b>9</b>
<b>7.0 Keputusan Permohonan Dan Pemakluman</b>	<b>9</b>
<b>8.0 Yuran Pendaftaran</b>	<b>9</b>
<b>9.0 Kaedah / Cara Pembayaran</b>	<b>11</b>
<b>10.0 Cetakan Sijil PPK,SPKK &amp; STB</b>	<b>11</b>
<b>D – PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR TEMPATAN (PPK)</b>	
<b>1.0 Skop Pendaftaran</b>	<b>13</b>
<b>1.1 Gred Pendaftaran Kontraktor</b>	<b>13</b>
<b>1.2 Kategori Pendaftaran Kontraktor</b>	<b>13</b>
<b>1.3 Pengkhususan Pendaftaran Kontraktor</b>	<b>14</b>
<b>1.4 Status Pengkelasan Pendaftaran Kontraktor</b>	<b>14</b>
<b>2.0 Syarat-Syarat Pendaftaran</b>	
<b>2.1 Pemohon</b>	<b>16</b>
<b>2.2 Berdaftar Dengan Pendaftar Syarikat atau Pendaftar Perniagaan</b>	<b>16</b>
<b>2.3 Kelayakan Kewangan</b>	<b>16</b>
<b>2.4 Kelayakan Personel Teknikal</b>	<b>17</b>
<b>2.5 Syarikat/Firma yang Berdaftar Dengan Suruhanjaya Tenaga</b>	<b>19</b>
<b>2.6 Keperluan Tambahan</b>	<b>19</b>
<b>3.0 Jenis –Jenis Permohonan</b>	<b>21</b>
<b>3.1 Cipta ID / Nama Pengguna</b>	<b>21</b>
<b>3.1.1 Pendaftaran Baru</b>	<b>22</b>

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.1.2 Skrin Permohonan Cipta ID / Nama Pengguna	22
<b>3.2 Permohonan Pendaftaran Baru</b>	<b>24</b>
3.2.1 Syarat Permohonan	35
3.2.2 Yuran Proses	24
3.2.3 Dokumen Sokongan	25
3.2.4 Yuran Pendaftaran	24
3.2.5 Carta Alir Permohonan Baru Perakuan Pendaftaran Kontraktor	25
3.3.6 Skrin Permohonan Baru Perakuan Pendaftaran Kontraktor	26
<b>3.3 Permohonan Pembaharuan</b>	<b>35</b>
3.3.1 Syarat Permohonan	35
3.3.2 Yuran Proses	35
3.3.3 Dokumen Sokongan	35
3.3.4 Yuran Pendaftaran	35
3.3.5 Carta Alir Permohonan Pembaharuan Perakuan Pendaftaran Kontraktor	35
3.3.6 Skrin Permohonan Pembaharuan	36
<b>3.4 Permohonan Pendaftaran Semula</b>	<b>51</b>
3.4.1 Syarat Permohonan	51
3.4.2 Yuran Proses	51
3.4.3 Dokumen Sokongan	51
3.4.4 Yuran Pendaftaran	51
3.4.5 Carta Alir Permohonan Pendaftaran Semula	51
3.4.6 Skrin Permohonan Pendaftaran Semula	51
<b>3.5 Kemaskini Maklumat Pendaftaran</b>	<b>51</b>
3.5.1 Perubahan Gred	51
3.5.2 Perubahan Kategori/Pengkhususan	52
3.5.3 Perubahan Maklumat Personel Teknikal /Orang Kompeten/ Sijil Agensi	52
3.5.4 Pemegang Saham/Modal	53
3.5.5 Carta Alir Permohonan Kemaskini Pendaftaran	53

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.5.6 Skrin Permohonan Kemaskini Pendaftaran	54
3.6 Kebenaran Khas Menyertai Tender Diluar Pengkhususan	62
3.6.1 Syarat Permohonan	62
3.6.2 Yuran Proses	62
3.6.3 Dokumen Sokongan	62
3.6.4 Carta Alir Permohonan Kebenaran Khas Menyertai Tender Diluar Pengkhususan	62
3.6.5 Skrin Permohonan Kebenaran Khas Menyertai Tender Diluar Pengkhususan	63
3.7 Kemaskini Maklumat Syarikat	66
3.7.1 Syarat Permohonan	67
3.7.2 Yuran Proses	68
3.7.3 Dokumen Sokongan	68
3.7.4 Yuran Pendaftaran	68
3.7.5 Carta Alir Permohonan Kebenaran Khas Menyertai Tender Diluar Pengkhususan	68
3.7.6 Skrin Permohonan Kebenaran Khas Menyertai Tender Diluar Pengkhususan	69
3.8 Permohonan Pembatalan Perakuan Pendaftaran Kontraktor	72
3.9 Pembatalan Perakuan Pendaftaran Secra Automatik	72
3.10 Permohonan Batal Pendaftaran dan Daftar Baru (Pertukaran Syarikat)	72
<b>E- SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)</b>	
1.0 Syarat Pendaftaran Sijil Perolehan Kerja Kerajaan	73
1.1 Permohonan Baru	73
1.2 Pembaharuan	74
1.3 Perubahan Gred Pendaftaran SPKK	74
1.4 Carta Alir Permohonan Baru /Pembaharuan SPKK	74
1.5 Skrin Permohonan Baru dan Pembaharuan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan	75
2.0 Tindakan Tatatertib Ke Atas Pemegang SPKK	79
3.0 Syarat Penggunaan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan	80
<b>F- PENDAFTARAN KONTRAKTOR USAHASAMA / KONSORTIUM</b>	
1.0 Syarat Pendaftaran	83
1.1 Dokumen Sokongan	83
1.2 Yuran Proses	83

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.3 Tempoh Pendaftaran	83
1.4 Yuran Pendaftaran	83
1.5 Carta Alir Permohonan Pendaftaran Kontraktor Usahasam/Konsortium	84
1.6 Skrin Permohonan Pendaftaran Kontraktor Usahasam/Konsortium	85
<b>G– PENDAFTARAN KONTRAKTOR ANTARABANGSA</b>	
1.0 Syarat Pendaftaran	95
1.1 Dokumen Sokongan	95
1.2 Yuran Proses	95
1.3 Tempoh Pendaftaran	95
1.4 Yuran Pendaftaran	95
1.5 Carta Alir Permohonan Pendaftaran Kontraktor Antarabangsa	95
1.6 Skrin Permohonan Pendaftaran Kontraktor Antabangsa	96
<b>H– PENDAFTARAN KONTRAKTOR ASING</b>	
1.0 Pra Pendaftaran	102
1.1 Syarat Pra Pendaftaran	102
1.2 Carta Alir Permohonan Pra Pendaftaran	102
1.3 Skrin Permohonan Pra Pendaftaran Kontraktor Asing	103
2.0 Perakuan Pendaftaran Sementara	109
2.1 Syarat Pendaftaran	109
2.2 Dokumen Sokongan	109
2.3 Yuran Proses	109
2.4 Tempoh Pendaftaran	109
2.5 Yuran Pendaftaran	110
2.6 Syarat Pemegang Perakuan Pendaftaran Sementara	110
2.7 Carta Alir Permohonan Perakuan Pendaftaran Sementara	110
2.8 Skrin Permohonan Perakuan Pendaftaran Sementara	111
3.0 Perakuan Pendaftaran Kontraktor Asing	116
3.1 Syarat Pendaftaran	116
3.2 Dokumen Sokongan	116

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.3 Yuran Proses	116
3.4 Tempoh Pendaftaran	116
3.5 Yuran Pendaftaran	116
3.6 Syarat Pemegang Pendaftaran Kontraktor Asing	116
3.7 Carta Alir Permohonan Pendaftaran Kontraktor Asing	116
3.8 Skrin Permohonan Pendaftaran Kontraktor Asing	117
<b>I – TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR BERDAFTAR</b>	
1.0 Kontraktor Tempatan	125
1.1 Syarat –syarat Am	125
1.2 Tanggungjawab dan Obligasi Kontraktor	125
1.3 Tindakan Tatatertib	126
2.0 Kontraktor Asing	127
2.1 Syarat- syarat Am	127
2.2 Tempoh Sahlaku Perakuan	127
2.3 Tanggungjawab dan Obligasi Kontraktor	127
2.4 Tindakan Tatatertib	127
Lampiran 1 (Senarai Pejabat CIDB)	129
Lampiran 2 (Kriteria Pendaftaran )	131
Lampiran 3 (Kriteria Pendaftaran )	132
Lampiran 4 (Senarai Kelulusan PersonelTeknikal)	133
Lampiran 5 (Ringkasan Bagi Pengkhususan Kategori B,CE,ME ,F)	135
Lampiran 5 (Diskripsi Pengkhususan Kategori B,CE,ME,F)	138
Lampiran 6 (Pengkhususan Yang Di Perolehi dari Sijil Kecekapan Pengurusan (SKP),Pendaftaran Agensi Pensijilan dan Orang Kompeten)	154
Lampiran 7 (Skema Mata CCD)	159
Lampiran 8 (Pecahan Ekuiti Asing)	161

## **A – PENGENALAN**

Berkuatkuasa mulai 20 Julai 1995, adalah mandatori untuk semua kontraktor samada tempatan atau asing untuk berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) atau CIDB dibawah Seksyen 25 Akta 520 (Pindaan 2011) sebelum mengakujaji dan menyempurnakan apa-apa kerja pembinaan di Malaysia kecuali mereka yang diberi pengecualian di bawah Seksyen 40(1) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520).

Mana-mana kontraktor yang melanggar Seksyen 25 apabila disabitkan, boleh di denda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi satu ratus ribu ringgit dibawah Seksyen 29. Dibawah Seksyen 30 Lembaga boleh melalui notis bertulis yang disampaikan kepada kontraktor untuk berhenti daripada memulakan atau meneruskan kerja pembinaan atau mengakujaji untuk menjalankan atau menyiapkan kerja pembinaan.

Kontraktor yang memohon untuk didaftarkan dikehendaki merujuk Keperluan dan Prosedur Pendaftaran Kontraktor serta mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan sebelum mengemukakan permohonan.

Semua maklumat/dokumen yang dikemukakan kepada CIDB adalah menjadi milik CIDB. CIDB mempunyai hak untuk mengguna dan menzahirkan maklumat-maklumat tersebut dalam apa jua bentuk terbitan untuk kegunaan dan kepentingan industri pembinaan.



## B - TAKRIF

Bil	Takrif	Maksud
<i>i</i>	<b>Lembaga</b>	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia yang ditubuhkan dibawah seksyen 3 Akta 520
<i>ii</i>	<b>Industri Pembinaan</b>	Industri yang berkaitan dengan kerja pembinaan, termasuk reka bentuk, pengilangan, teknologi, bahan dan mutu kerja binaan dan perkhidmatan bagi maksud pembinaan
<i>iii</i>	<b>Kerja-kerja Pembinaan</b>	<p>Pembinaan, penyambungan, pemasangan, pembaikan, penyenggaraan, pembaharuan, pemindahan, pengubahsuaian, perubahan, perombakan atau perobohan:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) mana-mana bangunan, binaan, bangunan besar, struktur, dinding, pagar atau cerobong, samaada dibina keseluruhannya atau sebahagiannya di atas atau di bawah paras bumi;</li><li>(b) mana-mana jalan, kerja pelabuhan, landasan keretaapi, laluan kabel, terusan atau lapangan terbang kecil;</li><li>(c) apa-apa kerja saliran, tali air atau kerja pengawalan sungai;</li><li>(d) apa-apa kerja elektrik, mekanikal, air, gas, petrokimia atau telekomunikasi; atau</li><li>(e) mana-mana jambatan, jejambat, empangan, takungan, kerja tanah, talian paip, salur najis, akueduk, pembentung, pemacu, syaf, terowong atau kerja-kerja penibusgunaan dan termasuklah:<ul style="list-style-type: none"><li>(A) Apa-apa kerja yang membentuk bahagian yang penting dan perlu atau sebagai persediaan atau sementara bagi kerja-kerja yang diperihalkan dalam perenggan (a) hingga (e), termasuklah pembersihan tapak, penyelidikan dan pembaikan tanah, pemindahan tanah, penggalian, meletakkan batu asas, pemulihan dan lanskap tapak; atau</li><li>(B) Pemerolehan bahan binaan, kelengkapan atau pekerja, yang semestinya dikehendaki bagi mana-mana kerja yang diperihalkan dalam perenggan (a) hingga (e).</li></ul></li></ul>
<i>iv</i>	<b>Kontraktor</b>	Seseorang yang menjalankan atau menyiapkan atau mengakujaji untuk menjalankan atau menyiapkan apa-apa kerja pembinaan;
<i>v</i>	<b>Kontraktor Berdaftar</b>	Seseorang kontraktor yang berdaftar mengikut Akta ini.
<i>vi</i>	<b>Kontraktor tempatan</b>	Syarikat yang diperbadankan di Malaysia serta mempunyai pegangan ekuiti tempatan tujuh puluh peratus (70%) dan ke atas melainkan pegangan ekuiti tersebut dinyatakan di dalam <b>Lampiran 8</b>
<i>vii</i>	<b>Kontraktor Asing</b>	Syarikat yang diperbadankan di Malaysia atau di luar negara serta mempunyai pegangan ekuiti rakyat asing atau syarikat asing lebih tiga puluh peratus (30%) dan ke atas melainkan pegangan ekuiti tersebut dinyatakan di dalam <b>Lampiran 8</b>

<b>Bil</b>	<b>Takrif</b>	<b>Maksud</b>
<i>viii</i>	<b>Kontraktor Antarabangsa</b>	Kontraktor tempatan yang telah berdaftar dengan CIDB dan akan melaksanakan/telah melaksanakan kerja pembinaan di luar negara.
<i>ix</i>	<b>Kontraktor Usahasama.</b>	Gabungan dua syarikat atau lebih yang tidak diperbadankan di Malaysia.
<i>x</i>	<b>Pemohon</b>	Pemohon hendaklah terdiri daripada salah seorang pemilik/pengarah. Pemohon hanya dibenarkan untuk membuat permohonan pendaftaran untuk satu syarikat sahaja.
<i>xi</i>	<b>Kakitangan syarikat</b>	<p>Pekerja yang diambil bekerja sepenuh masa oleh sesebuah syarikat serta dibuktikan dengan Penyata caruman KWSP yang dikeluarkan oleh pihak KWSP atau Jadual Caruman KWSP (Borang A) terkini beserta resit rasmi bayaran bulan terkini. Bagi pekerja yang berumur lebih 55 tahun perlu dibuktikan dengan jadual caruman SOCSO beserta salinan resit rasmi bayaran bulan terkini atau jadual penyata gaji bulan terkini.</p> <p>Jika pekerja terdiri daripada pekerja asing bukti penggajian perlu disertakan bersama dengan permit pekerja (work permit)</p>
<i>xii</i>	<b>Personel teknikal</b>	Kakitangan syarikat yang mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan dengan pembinaan. Mereka boleh terdiri dari mana-mana individu warganegara Malaysia samada pemilik perniagaan, ahli lembaga pengarah, pengarah, ahli lembaga koperasi, Presiden, Yang Di Pertua Persatuan atau kakitangan syarikat yang digajikan sepenuh masa.
<i>xiii</i>	<b>Ijazah/Diploma /Sijil yang diiktiraf</b>	Ijazah/diploma/sijil yang berkaitan dengan bidang pembinaan samada diperolehi dalam atau luar negara serta diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau diperakui oleh CIDB.
<i>xiv</i>	<b>Pengalaman</b>	Tempoh pengalaman adalah diambil dari tarikh Sijil / Diploma / Ijazah diperolehi
<i>xv</i>	<b>Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)</b>	Sijil yang dikeluarkan oleh CIDB kepada kontraktor mengikut Akta 520 dan peraturan di bawahnya.
<i>xvi</i>	<b>Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)</b>	Memperakukan bahawa pemegang SPKK layak menyertai perolehan kerajaan dalam bidang pembinaan mengikut kelayakan yang ditetapkan
<i>xvii</i>	<b>Warganegara Malaysia</b>	Seseorang rakyat Malaysia yang memegang kad pengenalan warna biru.
<i>xix</i>	<b>Penama SPKK</b>	Individu yang dibenarkan untuk membuat urusan berkaitan tender kerajaan. Mereka boleh terdiri dari mana-mana individu warganegara Malaysia samada pemilik perniagaan, ahli lembaga pengarah, pengarah, ahli lembaga koperasi, Presiden, Yang Di Pertua Persatuan atau kakitangan syarikat yang digajikan sepenuh masa

## C - PANDUAN PERMOHONAN

### 1.0 Siapakah yang boleh memohon

Permohonan hanya boleh dibuat oleh salah seorang pemilik/pengarah syarikat sahaja. Seorang pemohon hanya dibenarkan untuk membuat satu permohonan pendaftaran untuk satu syarikat sahaja.


### 2.0 Kaedah cara serahan permohonan.

Pemohon boleh mengemukakan permohonan secara atas talian (online) di laman web CIDB di [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my) atau di <http://cimsapp.cidb.gov.my>


### 3.0 Carta Alir Permohonan

- 3.1 Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
- 3.2 Sijil Perolehan Kerja Kerjaan (SPKK)

#### 3.1) CARTA ALIR PERMOHONAN PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK)



### 3.2) CARTA ALIR PERMOHONAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)



#### 4.0 Yuran Proses

Setiap permohonan mesti disertakan bersama dengan yuran proses. Bayaran yuran proses boleh dibuat melalui online atau dikaunter CIDB. Berikut adalah nilai yuran proses yang perlu dijelaskan mengikut jenis permohonan yang dibuat seperti di **Jadual A**.

**Jadual A –Yuran Proses**

Bil	Jenis Permohonan	Bayaran Yuran Proses (RM)	Catatan
1.	<b>Pendaftaran Kontraktor Tempatan</b> i) Pendaftaran Baru / Pendaftaran semula - Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)	RM50.00 / Permohonan	Bayaran yuran proses perlu disertakan bersama semasa permohonan dibuat
	ii) Pembaharuan - Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)	RM30.00 / Permohonan	

Sambungan .....

**Jadual A –Yuran Proses**

Bil	Jenis Permohonan	Bayaran Yuran Proses (RM)	Catatan
	<b>iii) Kemaskini Maklumat Pendaftaran:</b> - Perubahan gred / Kategori / Pengkhususan, - Perubahan Personel teknikal/ Orang Kompeten / Sijil Agensi, - Perubahan maklumat kewangan/ Pemegang saham /Rakan Kongsi)	<b>RM30.00 / Permohonan</b>	<b>Bayaran yuran proses perlu disertakan bersama semasa permohonan dibuat</b>
	<b>iv) Kebenaran Khas Menyertai Tender Diluar Pengkhususan</b>	<b>RM30.00 / Permohonan</b>	
	<b>v) Kemaskini Maklumat Syarikat :</b> - Nama Syarikat - Pengarah/Pemilik/Rakan Kongsi/Ahli Lembaga Pengarah - Alamat Berdaftar - Alamat Perniagaan - Pengurusan Utama Syarikat - Penama Sijil SPKK - Status Pengkelasan - Maklumat Bank /Penandatanganan cek		
<b>2</b>	<b>Pendaftaran Kontraktor Antarabangsa</b>		
<b>3</b>	<b>Pendaftaran Kontraktor Asing</b> i) Pendaftaran Kontraktor Asing (Projek) ii) Perakuan Pendaftaran Sementara Kontraktor Asing	<b>RM50.00 / Permohonan</b>	
<b>4</b>	<b>Pendaftaran Syarikat Konsortium atau Usahasama</b>		
<b>5</b>	<b>Pembatalan Perakuan Pendaftaran</b>	<b>RM30.00/ Permohonan</b>	
<b>6</b>	<b>Pertukaran Syarikat (cth : ROB kepada ROC)</b>	<b>RM50.00 / Permohonan</b>	

Permohonan hanya boleh dikemaskini dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pertama kali permohonan dibuat. Permohonan yang tidak dihantar (klik butang hantar) dalam tempoh tersebut akan terbatal secara automatik.

Manakala tempoh bayaran yuran proses perlu dijelaskan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh permohonan dihantar (klik butang hantar). Sekiranya tiada sebarang bayaran diterima dalam tempoh tersebut permohonan akan terbatal secara automatik.

## 5.0 Jenis Permohonan dan Dokumen sokongan

Pemohon perlu menyimpan dokumen asal dalam tempoh 3 tahun dari tarikh permohonan dibuat bagi tujuan Semakan Pematuhan Kontraktor , CCA (Contractor Compliance Assurance). Berikut adalah dokumen sokongan yang perlu dimuatnaik mengikut jenis permohonan yang dibuat seperti di **Jadual B**.

**Jadual B –Jenis Permohonan dan Dokumen Sokongan**

Bil	Jenis Permohonan	Dokumen Sokongan
1.	<b>Pendaftaran Kontraktor Tempatan:</b> - Baru - Pembaharuan - Pendaftaran Semula - Kemaskini Maklumat Pendaftaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sijil akademik (sekiranya ada)</li> <li>• Resume FM jika ingin mohon kategori F (sekiranya ada)</li> <li>• Sijil Pendaftaran Orang Kompeten (sekiranya ada)</li> <li>• Sijil Pendaftaran Agensi (sekiranya ada)</li> <li>• Annual Return (sekira permohonan adalah dari syarikat Berhad) – Untuk ROC sahaja @ Annual Return syarikat yang memegang saham dalam syarikat – Untuk ROC sahaja</li> <li>• Penyata Kewangan Terkini sekiranya permohonan dari syarikat daftar perniagaan dibawah ROB/PLT/Sabah/Sarawak/SKM/ROS sahaja</li> <li>• Perjanjian Perkongsian wajib dimuatnaik – sekiranya permohonan dari syarikat ROB/PLT/Sabah/Sarawak yang beroperasi secara perkongsian</li> <li>• Maklumat Syarikat, Perkhidmatan E-InfoSSM untuk PLT</li> <li>• Lesen Perniagaan (Sabah) Borang B bagi syarikat daftar perniagaan di Sabah</li> <li>• Lesen Berniaga (Sarawak) Borang I dan CAP 64 bagi syarikat daftar perniagaan di Sarawak.</li> <li>• Pendaftaran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)</li> <li>• Pendaftaran Pertubuhan / Persatuan (ROS)</li> <li>• Senarai ahli lembaga pengarah syarikat (SKM,ROS)</li> <li>• Sijil kursus atau apa-apa dokumen yang mempunyai mata CCD wajib dimuatnaik (untuk permohonan pembaharuan). Jika mata CCD diperolehi melalui pekerja asing cth kursus SICW, wajib kemukakan permit pekerja.</li> <li>• Sijil Kursus Integriti (bagi permohonan pembaharuan kali pertama)</li> <li>• Sijil Kecekapan Pengurusan Bisnes (untuk pembaharuan kali pertama bagi pemohon yang tiada personel teknikal semasa membuat permohonan baru)</li> <li>• Sijil Kecekapan Pengurusan Fasiliti (untuk pembaharuan pertama kali dengan kategori F)</li> <li>• Sijil Kecekapan Kemahiran Fasiliti (untuk pembaharuan kali</li> </ul>

Sambungan.....

**Jadual B –Jenis Permohonan dan Dokumen Sokongan**

Bil	Jenis Permohonan	Dokumen Sokongan
		pertama dengan kategori F dan setiap kali pembaharuan (sekiranya personel teknikal yang berpengalaman dalam F berubah)
2.	Pendaftaran Syarikat Konsortium atau Usahasama	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perjanjian Usahasama/ Konsortium</li> <li>Bukti Kerja</li> </ul>
3.	Pendaftaran Kontraktor Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bukti kerja 3 tahun terkini</li> <li>Sijil ISO 9001:2008 /2015</li> </ul>
4.	Pendaftaran Kontraktor Asing	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sijil akademik</li> <li>Maklumat modal berbayar dari pendaftaran perniagaan negara asal yang terkini, wajib dimuatnaik sekiranya syarikat beroperasi secara Branch di Malaysia.</li> <li>Iklan tender/Surat jemputan memasuki tender (bagi permohonan sijil Perakuan Pendaftaran Sementara Kontraktor Asing)</li> <li>Bukti kerja (bagi permohonan sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor Asing)</li> </ul>
5.	Perubahan Butir Maklumat Syarikat <ul style="list-style-type: none"> <li>Nama Syarikat</li> <li>Pengarah/ Pemilik/ Rakan Kongsi/ Ahli Lembaga Pengarah</li> <li>Alamat Berdaftar</li> <li>Alamat Perniagaan</li> <li>Alamat surat menyurat</li> <li>No telefon/faks/email</li> <li>Pengurusan Utama Syarikat</li> <li>Penama Sijil SPKK</li> <li>Status Pengkelasan</li> <li>Maklumat Bank / Penandatanganan cek</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lesen Perniagaan (Sabah)</li> <li>Lesen Berniaga (Sarawak)</li> <li>Pendaftaran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)</li> <li>Pendaftaran Persatuan/Pertubuhan (ROS)</li> <li>Senarai ahli lembaga pengarah (SKM,ROS)</li> <li>Bukti Kerja</li> <li>Pengesahan maklumat penandatanganan cek dari pihak bank</li> </ul>
6.	Kebenaran Khas Menyertai Tender Diluar Pengkhususan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Iklan tender / Surat jemputan memasuki tender</li> </ul>

## 6.0 Tempoh Permohonan Diproses

Permohonan akan diproses dalam tempoh seperti yang telah ditetapkan. Berikut adalah tempoh proses yang telah ditetapkan mengikut jenis permohonan seperti di **Jadual C**.

**Jadual C- Tempoh Proses**

Bil	Jenis Permohonan	Tempoh proses
1	Perakuan Pendaftaran Kontraktor	5 hari dari tarikh permohonan dihantar dan bayaran yuran proses dijelaskan
2	Sijil Perolehan Kerja Kerajaan	5 hari dari tarikh yuran pendaftaran PPK dijelaskan
3	Pendaftaran Kontraktor Asing	5 hari dari tarikh permohonan dihantar dan bayaran yuran proses dijelaskan
4	Perakuan Pendaftaran Sementara Kontraktor Asing	
5	Pendaftaran Syarikat Konsortium atau Usahasama (tidak diperbadankan)	
6	Pendaftaran Kontraktor Antarabangsa	
7	Kebenaran Khas Menyertai Tender Diluar Pengkhususan	
8	Kemaskini Maklumat Pendaftaran	
9	Kemaskini Maklumat Syarikat	
10	Sijil Taraf Bumiputera	Permohonan akan diproses oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) selepas SPKK diluluskan

## 7.0 Keputusan Permohonan dan Pemakluman

Gred, kategori dan pengkhususan yang dipohon akan dipertimbangkan sekiranya pemohon memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan. Sekiranya permohonan tidak memenuhi syarat, CIDB berhak menetapkan permohonan tersebut gagal. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui surat yang boleh dicetak melalui atas talian (online) dan pemakluman keputusan juga akan dikirimkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) ke nombor telefon pemohon. Keputusan permohonan yang akan dimaklumkan kepada pemohon adalah seperti berikut:-

### (a) Keputusan Lulus

Gred, kategori dan pengkhususan yang dipohon akan dipertimbangkan sekiranya pemohon memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan. Pemohon diingatkan supaya menyemak keputusan permohonan sebelum membuat pembayaran Yuran Pendaftaran. Keputusan permohonan adalah muktamad.

### (b) Keputusan Gagal

Permohonan yang tidak memenuhi kriteria atau maklumat yang disyihar bercanggah dengan dokumen sokongan yang dimuatnaik akan menyebabkan keputusan gagal. Sebab-sebab gagal adalah seperti yang dinyatakan didalam surat keputusan permohonan. Keputusan permohonan adalah muktamad. Tiada sebarang rayuan diterima. Pemohon yang ingin memohon semula boleh mengemukakan permohonan melalui atas talian (online).

## 8.0 Yuran Pendaftaran

Jumlah yuran pendaftaran yang dikenakan akan dimaklumkan melalui surat kelulusan permohonan. Yuran boleh dibayar melalui atas talian (online) atau dikaunter pejabat CIDB negeri/cawangan. Yuran tersebut hendaklah dijelaskan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Kelulusan permohonan akan terbatal dengan sendirinya tanpa sebarang notis sekiranya yuran pendaftaran gagal dijelaskan dalam tempoh tersebut. Pemohon dikehendaki untuk mengemukakan permohonan semula



sekiranya ingin mendapatkan semula Perakuan Pendaftaran Kontraktor setelah permohonan tersebut terbatal. Berikut adalah Bayaran Yuran Pendaftaran seperti di **Jadual D**.

**Jadual D-Yuran Pendaftaran dan Tempoh Sah Perakuan Pendaftaran**

Bil	Jenis Permohonan	Kadar bayaran Yuran Pendaftaran	Tempoh
1.	<p>Baru/Pendaftaran Semula</p> <p>i)Perakuan Pendaftaran Kontraktor Tempatan (PPK)</p> <p>i) G1 ii) G2 iii) G3 iv) G4 v) G5 vi) G6 vii) G7</p> <p>ii)Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)</p>	<p>RM20.00/setahun RM80.00/setahun RM150.00/setahun RM350.00/setahun RM700.00/setahun RM1,000.00/setahun RM1,400.00/setahun</p> <p>Tiada yuran pendaftaran</p>	<p>i)Tempoh sah PPK bagi permohonan baru adalah bermula dari tarikh yuran pendaftaran dijelaskan sehingga 2 tahun.</p> <p>ii)Tempoh sah permohonan pendaftaran semula PPK adalah 1 – 3 tahun bergantung kepada mata CCD yang diperolehi oleh syarikat.</p> <p>Tempoh sah SPKK adalah bermula dari tarikh permohonan diluluskan sehingga tamat sijil PPK</p>
2.	<p>Pembaharuan Perakuan Pendaftaran Kontraktor Tempatan (PPK)</p> <p>Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jika pembaharuan dengan gred sediaada : pengurangan 50% dari yuran pendaftaran mengikut gred masing-masing.</li> <li>Jika berlaku perubahan gred semasa pembaharuan : yuran baru gred terkini akan dikenakan.</li> </ul> <p>Tiada yuran pendaftaran</p>	<p>Tempoh permohonan pembaharuan PPK akan diberikan 1 – 3 tahun tempoh kelulusan bergantung kepada mata CCD yang diperolehi oleh syarikat</p> <p>Tempoh sah SPKK adalah bermula dari tarikh permohonan diluluskan sehingga tamat sijil PPK</p>
3.	<p>Perubahan Gred</p> <p>Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)</p>	<p>- Kenaikan gred : perbezaan antara yuran gred baru dan yuran pembaharuan / pendaftaran semula gred sebelumnya. - Turun gred: RM100.00</p> <p>Tiada yuran pendaftaran</p>	<p>Tempoh sah perakuan adalah bermula dari tarikh yuran pendaftaran dijelaskan sehingga tempoh sah laku sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) sediaada.</p>
4.	<p>Pendaftaran Syarikat atau Usahasama (tidak diperbadankan)</p>	<p>Yuran mengikut gred yang didaftarkan. (sekiranya syarikat konsortium/ usahasama didaftarkan sebagai kontraktor tempatan)</p> <p>RM5,000 (sekiranya syarikat konsortium/ usahasama didaftarkan sebagai kontraktor asing)</p>	<p>Tempoh sah perakuan adalah dari tarikh mula projek sehingga tarikh tamat projek + 2 tahun tempoh tanggungan kecacatan</p>

sambungan....

**Jadual D-Yuran Pendaftaran dan Tempoh Sah Perakuan Pendaftaran**

Bil	Jenis Permohonan	Kadar bayaran Yuran Pendaftaran	Tempoh
5.	Pendaftaran Kontraktor Antarabangsa	RM100.00	Tempoh sah perakuan adalah bermula dari tarikh yuran pendaftaran dijelaskan sehingga tarikh tamat sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor sediaada.
6.	Perakuan Sementara Pendaftaran Kontraktor Asing	RM500.00/ tender	Tempoh sah perakuan bermula dari tarikh yuran pendaftaran dijelaskan sehingga tarikh tamat sah laku tender + 3 bulan tempoh penilaian tender
7.	Perakuan Pendaftaran Kontraktor Asing	RM5,000.00/ projek	Tempoh sah perakuan adalah bermula dari tarikh mula projek sehingga tarikh tamat projek + 2 tahun tempoh tanggungan kecacatan
8.	Kemaskini Maklumat Pendaftaran (yang tidak melibatkan perubahan gred) / Kemaskini Maklumat Syarikat	RM100 / Permohonan (sekiranya kemaskini maklumat pendaftaran / maklumat syarikat menyebabkan sijil dicetak semula)	Tempoh sah perakuan adalah bermula dari tarikh yuran pendaftaran dijelaskan sehingga tamat sahlaku sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor sediaada. (bagi permohonan kemaskini pendaftaran/maklumat syarikat menyebabkan cetakan semula sijil)
9.	Pertukaran Syarikat	Yuran baru pendaftaran akan dikenakan berdasarkan gred yang diluluskan	Tempoh sah PPK bagi permohonan pertukaran syarikat adalah bermula dari tarikh yuran pendaftaran dijelaskan sehingga 2 tahun.

### 9.0 Kaedah / Cara Pembayaran

Pembayaran boleh dibuat secara atas talian (*online*) melalui sistem CIMS atau secara tunai di kaunter CIDB dengan mengemukakan wang tunai. Pembayaran menggunakan cek syarikat atau cek peribadi tidak diterima. Semua yuran yang dibayar tidak akan dikembalikan. Bayaran secara tunai hanya boleh dibuat di kaunter pejabat CIDB Negeri / Cawangan dengan membawa salinan / bukti proforma invoice ke kaunter bayaran.

### 10.0 Cetakan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) / Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB)

Sijil hendaklah dicetak sendiri oleh pemohon secara atas talian (*online*) sistem CIMS. Tiada lagi serahan sijil di kaunter CIDB Negeri/ Cawangan. Bagi permohonan untuk mendapatkan sijil pendua atau cetakan semula sijil disebabkan hilang/ rosak, pemohon boleh mencetak sendiri melalui *online* tanpa sebarang caj bayaran.

- Sijil maya Perakuan Pendaftaran Kontraktok (PPK) hanya boleh dicetak melalui atas talian (*online*) setelah yuran pendaftaran dijelaskan.
- Sijil Perolehan Kerja Kerajan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) hanya boleh dicetak melalui atas talian (*online*) setelah permohonan diluluskan. Tiada yuran pendaftaran dikenakan ke atas SPKK dan STB.

Dibawah adalah contoh sijil Maya PPK, SPKK dan STB yang dicetak melalui atas talian (*online*). Bagimemastikan ciri-ciri keselamatan didalam sijil maya tersebut dipelihara, setiap sijil akan diletakkan dengan QR Code. Maklumat didalam QR Code boleh dibaca dengan membuat imbasan menggunakan telefon bimbit yang mempunyai aplikasi *QR Code Reader*.

**CIDB MALAYSIA**

**PERAKUAN PENDAFTARAN**

Adalah dengan ini diperakui bahawa kontraktor yang dinyatakan di bawah ini telah berdaftar dengan Lembaga mengikut Bahagian VI Akta Lembaga Pembangunan Industri Peminaan Malaysia 1994. Pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan bersama perakuan ini.

No. Pendaftaran : 0120170625-PK003587  
 Nama Kontraktor : REGAL PAC INDUSTRIES TECHNIK SDN. BHD.  
 Alamat Berdaftar : NO. 83 (TINGKAT BAWAH) PSRN, VENICE SUTERA 8 DESA MANJUNG RAYA 32200 LUMUT  
 Daerah : MANJUNG  
 Tarikh Mula Berdaftar : 2009/2017

GREJ	KATEGORI	PENGKHUSUSAN
G3	B	B04
G3	CE	CE21

Tarikh Mula Berkuatkuasa : 2009/2017  
 Tarikh Habis Tempoh Perakuan : 19/09/2019

**STATUS: BARU**

  
 Ketua Eksekutif  
 Lembaga Pembangunan Industri Peminaan Malaysia  
 Tarikh: 20/09/2017



**CIDB MALAYSIA**

**SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN**


Adalah diisytiharkan syarikat/firma ini adalah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Peminaan Malaysia dan tertakluk kepada syarat-syarat tertakluk bersama sijil ini.


No. Pendaftaran : 012017012-K2000182  
 Nama Kontraktor : PAK TAM FITRI ENTERPRISE  
 Alamat Berdaftar : 325 TAMAN SRI PUTRA 08000 KEDAH  
 Daerah : KUALA MUDA  
 Tarikh Mula Berdaftar : 12/07/2017

GREJ	KATEGORI	
G2	B	(Pembinaan Bangunan)
G2	CB	(Pembinaan Kesan-terapan Awan)

**PEGAWAI SYARIKAT YANG DITAGIHKAN** **NO. KP**  
 MUHAMMAD FITRI BIN ABDUL MANAF 919413147949

Tarikh Mula Berkuatkuasa : 19/09/2017  
 Tarikh Habis Tempoh Perakuan : 12/07/2019

  
 Ketua Eksekutif  
 Lembaga Pembangunan Industri Peminaan Malaysia  
 Tarikh: 19/09/2017





**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KONTRAKTOR DAN USAHAWAN**  
 (dahulu dikenali sebagai Pusat Khidmat Kontraktor)  
 KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

SIJIL KONTRAKTOR KERJA  
 TARAF BUMPUUTERA

Adalah dengan ini syarikat/ firma seperti berikut di dalam sijil ini dikenali sebagai kontraktor kerja bertaraf Bumputera. Pemberian pengiktirafan ini adalah tertakluk kepada syarat - syarat tertakluk di belakang ajk.

NO. SIJIL PENDAFTARAN	GREJ PENDAFTARAN	TEMPOH SAJIL
0120170622-PH199998	G2 (Bumputera)	DARI : 19/09/2017 HINGGA : 01/08/2019

**NAMA DAN ALAMAT BERDAFTAR**  
 PROSAZA CAPITAL VENTURES  
 NO 32 B/D TINGKAT 2 JALAN B02 2 BUKIT DESA SEMANTAN  
 35000 PAHANG  
 TEMERLOH

**PEGAWAI SYARIKAT YANG DITAGIHKAN** **NO. KP**  
 MUHAMMAD SAZAKHARI BIN SAKLES 79642006105

  
 (ZUREEN BIN ZUBIR)  
 SETIAUSAHA BAHAGIAN  
 Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan  
 Kementerian Kerja Raya Malaysia  
 Tarikh: 19/09/2017



## D – PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR TEMPATAN (PPK)

Pendaftaran PPK hanya dibuka kepada syarikat yang diperbadankan di Malaysia serta mempunyai pegangan ekuiti tempatan tujuh puluh peratus (70%) dan ke atas. Sekiranya terdapat pegangan ekuiti asing didalam syarikat pecahan yang dibenarkan adalah seperti dibawah :

- i. Ekuiti asing yang dibenarkan tidak melebihi 30% dari jumlah modal
- ii. Ekuiti asing dari negara ASEAN dibenarkan tetapi tidak melebihi 51% dari jumlah modal
- iii. Ekuiti asing dibawah Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) :
  - a) Malaysia – Australia :ekuiti asing tidak melebihi 49%
  - b) Asean-Australia-New Zealand : ekuiti asing tidak melebihi 49%
  - c) Asean-Korea: ekuiti asing tidak melebihi 30%
  - d) ASEAN – China: ekuiti asing tidak melebihi 30%
  - e) Malaysia – Pakistan : ekuiti asing tidak melebihi 49%
  - f) Malaysia – Jepun : ekuiti asing tidak melebihi 30%
  - g) Malaysia – New Zealand : ekuiti asing tidak melebihi 49%
  - h) Malaysia – India Comprehensive Economic Cooperation Agreement: ekuiti asing tidak melebihi 51%

*\*Nota : Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa.*

### 1.0 Skop Pendaftaran

Setiap kontraktor didaftarkan mengikut:

- i. Gred
- ii. Kategori
- iii. Pengkhususan
- iv. Pengkelasan

#### 1.1 Gred Pendaftaran Kontraktor

Setiap kontraktor akan didaftarkan oleh CIDB mengikut gred pendaftaran berdasarkan kepada keupayaan dan kemampuan kontraktor memenuhi syarat-syarat kriteria pendaftaran kontraktor yang telah ditetapkan. Gred pendaftaran kontraktor adalah untuk menentukan had keupayaan menender / menjalankan kerja, rujuk **Lampiran 3**.

#### 1.2 Kategori Pendaftaran Kontraktor

Terdapat empat (4) Kategori pendaftaran iaitu:

- i. Pembinaan Kejuruteraan Awam (CE)
- ii. Pembinaan Bangunan dan (B)
- iii. Mekanikal dan Elektrikal (ME)
- iv. Fasiliti (F)

Kontraktor boleh memohon kategori pendaftaran seperti di atas berdasarkan kepada kerja-kerja yang akan dilaksanakan. Walau bagaimanapun penetapan Kategori adalah berdasarkan kepada kelulusan akademik dan pengalaman personel teknikal rujuk **Lampiran 4**. Pada umumnya permohonan baru akan diberikan :

- i. Kategori B dan CE sahaja.
- ii. Kategori ME akan diberikan sekiranya syarikat mempunyai personel teknikal yang memiliki sijil teknikal/ sijil kelayakan akademik berkaitan bidang pembinaan.
- iii. Kategori F akan diberikan kepada syarikat yang mendaftar perniagaannya dibawah pendaftaran ROC (Sdn Bhd/Bhd) /Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atau Jabatan Pendaftaran

Pertubuhan/Persatuan Malaysia (ROS). Syarikat tersebut mestilah berdaftar dalam Gred G4 ke atas. Syarikat juga perlu memenuhi kriteria personel teknikal seperti **dilampiran 4**.

### 1.3 Pengkhususan Pendaftaran Kontraktor

Setiap pengkhususan akan didaftarkan dibawah kategori dan gred pendaftaran kontraktor. Pada umumnya permohonan baru akan diberi pengkhususan B04 dan CE21 sahaja. Walaubagaimanapun pengkhususan M15 juga akan diberikan sekiranya syarikat mempunyai mempunyai personel teknikal yang memiliki sijil teknikal/ sijil kelayakan akademik berkaitan bidang pembinaan / orang kompten / pendaftaran dengan Agensi lain. Bagi pengkhususan F01/F02 juga akan diberikan sekiranya syarikat memiliki personel teknikal yang mempunyai sijil kelayakan akademik dan mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan (resume)/ sijil akademik berkaitan bidang pengurusan fasiliti (hanya untuk syarikat ROC,SKM,ROC gred G4 dan ke atas sahaja)


Bagi pengkhususan yang lain seperti di **Lampiran 5** penetapan pengkhususan adalah berdasarkan kepada surat tawaran kerja atau Sijil Kecekapan Pengurusan yang dikeluarkan oleh CIDB bagi memperolehi pengkhususan yang telah ditetapkan.

### Pengkhususan Melibatkan Akta lain / Peraturan lain / Orang Kompeten

Pemohon yang memohon pengkhususan seperti di **Lampiran 6** perlu memenuhi keperluan seperti yang ditetapkan. Pada amnya pemohon yang memohon pendaftaran hendaklah memenuhi mana-mana undang-undang atau peraturan bertulis yang melibatkan aktiviti yang akan dilaksanakan jika beliau didaftarkan. Mana-mana pengkhususan yang melibatkan Akta lain dan telah tamat pendaftarannya dengan Agensi berkenaan akan menyebabkan pengkhususan tersebut terbatal.

### 1.4 Status Pengkelasan Pendaftaran Kontraktor

Pemohon dikehendaki untuk mengemukakan/mengisytiharkan maklumat projek yang dilaksanakan sepanjang tempoh tiga (3) tahun terkini pendaftaran sebelumnya untuk penetapan status pengkelasan. Pengkelasan Perakuan Pendaftaran kontraktor adalah seperti berikut:



Perubahan status pengelasan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) boleh dilakukan di dalam sistem CIMS dengan mengisytiharkan maklumat projek yang dilaksanakan dalam tempoh 3 tahun terkini dan membuat permohonan kemaskini maklumat syarikat. Yuran Proses adalah sebanyak RM30.00 dan Yuran Pendaftaran RM100.00

#### RINGKASAN GRED, KATEGORI DAN PENGKHUSUSAN

GRED & KEUPAYAAN MENENDER/ MENJALANKAN KERJA			KATEGORI		PENGKHUSUSAN
G1	Tidak melebihi RM200,000.00	→	B Pembinaan Bangunan	→	B01 - B29 CE01 - CE43 M01 - M23 E01 - E35
G2	Tidak melebihi RM500,000.00		CE Pembinaan Kejuruteraan Awam		
G3	Tidak melebihi RM1,000,000.00		ME Mekanikal dan Elektrikal		
G4	Tidak melebihi RM3,000,000.00	→	B Pembinaan Bangunan	→	B01 - B29 CE01 - CE43 M01 - M23 E01 - E35 F01-F02
G5	Tidak melebihi RM5,000,000.00		CE Pembinaan Kejuruteraan Awam		
G6	Tidak melebihi RM10,000,000.00		ME Mekanikal dan Elektrikal		
G7	Tiada had		F Fasiliti		
Rujuk Lampiran 3			Rujuk Lampiran 4		Rujuk Lampiran 5 & 6

## 2.0 Syarat-Syarat Pendaftaran

Pemohon hendaklah mematuhi syarat-syarat pendaftaran sebelum permohonan pendaftaran dapat dipertimbangkan.

### 2.1 Pemohon

Permohonan mestilah dibuat oleh salah seorang pemilik/ pengarah/ ahli lembaga pengarah. Seorang pengarah/pemilik hanya boleh membuat satu permohonan pendaftaran syarikat sahaja.

### 2.2 Berdaftar dengan Pendaftar Syarikat atau Pendaftar Perniagaan

Pemohon hendaklah mendaftarkan operasi perniagaannya dengan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan di Malaysia. Pihak berkuasa tersebut adalah seperti dinyatakan di bawah:-

- i. Suruhanjaya Syarikat Malaysia, SSM (Pendaftaran Syarikat /Pendaftaran Perniagaan/ Perkongsian Liabiliti Terhad).
  - ii. Pendaftaran Perniagaan (Cap 64), Ekstrak Perniagaan & Lesen Perdagangan – Borang I (negeri Sarawak)
  - iii. Lesen Perniagaan - Borang B (negeri Sabah)
  - iv. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
  - v. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)
- Bagi pendaftaran perniagaan dibawah pendaftar perniagaan SSM (ROB), Sabah dan Sarawak sila pastikan tarikh luput sijil pendaftaran perniagaan syarikat masih sah laku.

### 2.3 Kelayakan Kewangan

Pemohon hendaklah memiliki dan mengekalkan punca kewangan yang mencukupi sepanjang tempoh pendaftaran mereka. Had minima kewangan (modal berbayar / modal terkumpul) yang perlu dimiliki oleh pemohon adalah seperti di **Jadual E**.

**Jadual E– Kelayakan Kewangan**

Gred	G1	G2	G3	G4	G5	G6	G7
Modal berbayar / Modal terkumpul (RM)	5,000 / 10,000 (SPKK)	25,000	50,000	150,000	250,000	500,000	750,000

### Penilaian Keupayaan Kewangan

Kewangan pemohon akan dinilai berdasarkan modal boleh cair iaitu modal berbayar / modal terkumpul syarikat. Sekiranya kewangan yang terdapat dalam modal berbayar / modal terkumpul mempunyai pegangan ekuiti asing, sila rujuk **Lampiran 8** nilai ekuiti asing yang dibenarkan.

Berikut adalah keupayaan Kewangan pemohon yang diambil kira berdasarkan jenis syarikat seperti di **Jadual F**

**Jadual F – Penilaian Keupayaan Kewangan**

Syarikat Sendirian Berhad/Berhad	Firma Milik Tunggal/Perkongsian/Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)	Koperasi / Persatuan
<p>Keupayaan kewangan pemohon akan dinilai dari jumlah Modal Berbayar syarikat tersebut. Saham Keutamaan (Preference Shares) dan Modal Dibenarkan (Authorized Capital) tidak diambilkira.</p>	<p>Keupayaan kewangan akan dinilai dari segi nilai modal bersih (net capital worth) yang dikira berdasarkan salah satu atau semua daripada berikut;</p> <p><b>a) Akaun Semasa</b> Penyata bank akaun semasa syarikat. Kewangan akan diambilkira dari baki tertinggi dalam bulan terkini dan / atau</p> <p><b>b) Simpanan Tetap (fixed deposit)</b> Simpanan tetap yang tidak dicagarkan pada mana-mana bank atau institusi kewangan serta belum luput tempoh matangnya dan / atau,</p> <p><b>c) Akaun Simpanan / Akaun semasa pemilik</b> Baki semasa dari akaun simpanan pemilik atau baki tertinggi dari akaun semasa pemilik dalam bulan terkini. Penyata perlu dikemaskini dalam tempoh 7 hari dari tarikh permohonan dibuat. Jika syarikat beroperasi secara perkongsian sila kemukakan maklumat kewangan bagi setiap rakan kongsi dan / atau,</p> <p><b>d) Simpanan ASB dan Tabung Haji</b> Baki terakhir yang terdapat dalam ASB pemilik (penyata simpanan terkini/ slip transaksi terkini/ Penyata terperinci pelaburan tunai yang terkini) atau Tabung Haji pemilik syarikat (buku simpanan).- Penyata perlu dikemaskini dalam tempoh 7 hari dari tarikh permohonan dibuat</p>	<p>Keupayaan kewangan akan dinilai berdasarkan baki tertinggi dalam bulan terkini dari penyata bank akaun semasa syarikat.</p>
	<p>➤ <b>Contoh penyata bulan terkini : permohonan pendaftaran dibuat pada bulan April, jadi penyata terkini yang diterima sebagai menyokong maklumat kewangan syarikat adalah penyata bulan April atau Mac sahaja.</b></p>	



## 2.4 Kelayakan Personel Teknikal

Personel Teknikal adalah terdiri daripada samaada pemilik/ pengarah atau pekerja syarikat yang digajikan sepenuh masa. Mereka juga mestilah warganegara Malaysia yang mempunyai sijil teknikal /Diploma/ Ijazah yang berkaitan dalam bidang pembinaan. Berikut adalah kelayakan minima Personel Teknikal yang diperlukan bagi setiap gred pendaftaran seperti di **Jadual G**.

**Jadual G – Personel Teknikal**

Gred	Kelayakan Personel Teknikal		
	Kategori B,CE,ME	Kategori F	
	Personel Teknikal	Personel Teknikal FM	Personel Teknikal bukan FM
G1	Seorang Pemegang Sijil Teknikal (sekiranya ada)	-	-
G2			
G3			
G4	Seorang pemegang Diploma	Diploma FM	Diploma min 3 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan/ fasiliti atau penyenggaraan hospital
G5	Seorang pemegang Diploma (minima 5 tahun pengalaman)  Atau  Seorang pemegang Ijazah (minima 1 tahun pengalaman)	Diploma FM & Diploma teknikal (min 3 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan / fasilti atau penyenggaraan hospital)	Ijazah (min 1 tahun pengalaman perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan/ fasiliti atau penyenggaraan hospital)  Atau  Diploma (5 tahun pengalaman perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan/fasilti atau penyenggaraan hospital )
G6	Seorang pemegang Ijazah dan Seorang pemegang Diploma (Salah seorang minima 3 tahun pengalaman)	Ijazah FM & Diploma teknikal (3 tahun pengalaman dalam penyenggaraan perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan / fasilti atau penyenggaraan hospital)	Ijazah dan Diploma (salah seorang min 3 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan/fasilti atau penyenggaraan hospital)
G7	2 Orang pemegang Ijazah (salah seorang 5 tahun pengalaman)  Atau  Seorang pemegang Ijazah dan Seorang pemegang Diploma (kedua-dua minima 5 tahun pengalaman)	Ijazah FM dan Ijazah teknikal (3 tahun pengalaman dalam dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan / fasilti atau penyenggaraan hospital)	Ijazah dan Diploma (kedua-dua 5 tahun pengalaman dalam fasiliti atau penyenggaraan / penyenggaraan hospital)  Atau  2 Ijazah (salah seorang pengalaman dalam fasiliti atau penyenggaraan/ penyenggaraan hospital)

- i. Personel teknikal adalah individu yang memiliki sijil teknikal/diploma/ Ijazah berkaitan bidang pembinaan. Personel teknikal bukan FM adalah individu yang memiliki sijil teknikal/diploma/ Ijazah berkaitan bidang pembinaan dan mempunyai resume yang menunjukkan mereka mempunyai pengalaman dalam bidang Pengurusan Fasiliti. Manakala Personel teknikal FM adalah individu yang memiliki diploma/ijazah berkaitan Pengurusan Fasiliti sebagai contoh diploma/ijazah *Asset Management, Facility Management, Building Maintenance* dan yang berkaitan.
- ii. Tempoh pengalaman kerja :
  - Personel Teknikal / Personel teknikal FM diambilkira dari tarikh Sijil Teknikal / Diploma / Ijazah diperolehi.
  - Personel Teknikal bukan FM diambilkira dari tahun pengalaman bekerja mengikut tempoh projek dilaksanakan. Projek yang dilaksanakan mestilah projek berkaitan perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan / fasiliti atau penyenggaraan hospital. Perlu sertakan resume seperti dilampiran 9.
- iii. Personel teknikal hendaklah tidak terikat atau digaji sepenuh masa oleh mana-mana pihak selain dari syarikat/firma yang memohon.
- iv. Personel teknikal yang telah diisytiharkan mestilah sentiasa kekal berada dalam syarikat sepanjang tempoh pendaftaran. Sekiranya terdapat perubahan personel teknikal ia akan memberi kesan kepada gred dan kategori pendaftaran syarikat.
- v. Sijil Teknikal/ Diploma/ Ijazah yang dimiliki oleh personel teknikal mestilah berkaitan bidang pembinaan dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau CIDB.

## 2.5 Syarikat/ Firma yang Berdaftar Dengan Suruhanjaya Tenaga

Syarikat/firma yang ada pendaftaran dengan Suruhanjaya Tenaga akan didaftarkan seperti di **Jadual H** dengan syarat tarikh luput pendaftaran tersebut masih dalam tempoh sahlaku.

**Jadual H – Pengredan Kontraktor Elektrik**

Pengkhususan	Pendaftaran dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) Kelas	Gred CIDB
E04	D	G1
	C	G2
	B	G3
	A	G4 ke atas

## 2.6 Keperluan Tambahan

Pemohon hendaklah memenuhi/ mematuhi lain-lain terma dan syarat pengeluaran Perakuan Pendaftaran Kontraktor yang dikeluarkan oleh CIDB dari masa ke semasa iaitu;

**i. Mempunyai Orang Kompeten**

Orang kompeten mestilah terdiri daripada samaada pemilik/ pengarah atau pekerja syarikat yang digajikan sepenuh masa dan tidak terikat atau digaji sepenuh masa oleh mana-mana pihak selain dari syarikat/firma yang memohon. Mereka juga mestilah warganegara Malaysia yang mempunyai sijil kompeten dari agensi seperti SEDA, SPAN, ST, JKPP, PDRM, EIU dan lain-lain yang berkaitan.

**ii. Mempunyai Pendaftaran Agensi Lain**

Syarikat memiliki sijil pendaftaran dari Agensi lain sebagai contoh SPAN, ST, JKPP, PDRM, SEDA, EIU dan lain-lain. Tarikh luput sijil/ pendaftaran dengan agensi lain mestilah masih sah laku.

**iii. Kursus Integriti dan Kod Etika Kontraktor Untuk Kontraktor Baru**

Kontraktor baru yang telah berdaftar dengan CIDB diwajibkan menghadiri serta lulus Kursus Integriti dan Kod Etika Kontraktor dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh Perakuan Pendaftaran Kontraktor dikeluarkan atau sebelum pembaharuan kali pertama dibuat. Kursus tersebut mestilah dihadiri oleh salah seorang Pemilik/ Pengarah atau Ahli Lembaga Pengarah syarikat. Permohonan pembaharuan Perakuan Pendaftaran bagi kali pertama hendaklah disertakan dengan Sijil Pencapaian Kursus Integriti dan Kod Etika Kontraktor. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan permohonan pembaharuan Perakuan Pendaftaran tidak dapat dipertimbangkan. Pemohon boleh berhubung terus dengan mana-mana pejabat CIDB Negeri atau Cawangan bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan penganjuran Kursus Integriti dan Kod Etika Kontraktor.

**iv. Sijil Kecekapan Pengurusan Bisnes / Fasiliti (SKP)**

Permohonan pendaftaran baru bagi gred G1 hingga G3 yang tidak mempunyai sijil teknikal/ personel teknikal dalam bidang pembinaan, semasa sijil PPK diperbaharui buat kali pertama, salah seorang pemilik/ pengarah syarikat wajib menghadiri dan lulus kursus Pengurusan Bisnes dan memiliki Sijil Kecekapan Pengurusan Bisnes (SKP). Sijil ini perlu dikemukakan semasa permohonan pembaharuan kali pertama dibuat. Kursus ini perlu dihadiri dalam tempoh 2 tahun dari tarikh Perakuan Pendaftaran Kontraktor dikeluarkan atau sebelum pembaharuan kali pertama dibuat.

Bagi syarikat yang mempunyai kategori F dalam pendaftaran syarikatnya, semasa sijil PPK diperbaharui buat kali pertama selepas kategori Fasiliti (F) diperolehi, salah seorang pengarah wajib hadir dan lulus kursus Pengurusan Fasiliti dan memperolehi Sijil Kecekapan Pengurusan Fasiliti (SKP). Sijil ini perlu dikemukakan semasa permohonan pembaharuan dibuat. Kursus ini perlu dihadiri dalam tempoh 2 tahun dari tarikh Perakuan Pendaftaran Kontraktor dikeluarkan atau sebelum pembaharuan kali pertama selepas kategori Fasiliti (F) diperolehi.

**v. Perakuan Kecekapan Pengurusan Fasiliti (PKP)**

Bagi kontraktor yang mempunyai kategori F semasa pembaharuan pertama kali selepas kategori F diperolehi, personel teknikal syarikat bukan FM yang mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan / perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital (resume), wajib memiliki Perakuan Kecekapan Pengurusan Fasiliti (PKP). Sekiranya tiada, ia akan memberi kesan kepada kategori dan pengkhususan pada pendaftaran syarikat.

**vi. Pembangunan Kontraktor Secara Berterusan (Mata CCD)**

Permohonan pembaharuan untuk melanjutkan tempoh perakuan pendaftaran kontraktor akan diluluskan berdasarkan kepada jumlah mata CCD yang dapat dikumpul dalam tempoh berkuatkuasanya sijil pendaftaran semasa. Hanya mata CCD yang diperolehi oleh pemilik /pengarah/ pekerja syarikat yang digajikan atau sijil yang diperolehi oleh syarikat akan diambil kira. Jumlah mata

CCD adalah seperti di **Jadual I**.

**Jadual I - Mata CCD**

Gred	Tempoh Pembaharuan		
	1 Tahun (Mata minima)	2 Tahun (Mata minima)	3 Tahun (Mata minima)
G1 dan G2	10	20	30
G3 dan G4	20	40	60
G5 dan G6	30	60	90
G7	40	80	120

Dokumen rujukan adalah seperti sijil penyertaan, sijil kehadiran, surat sokongan atau lain-lain sebagai bukti penganugerahan mata CCD seperti yang disenaraikan di **Lampiran 7**. Pemohon boleh berhubung terus dengan mana-mana pejabat CIDB Negeri atau Cawangan atau merujuk laman web CIDB di [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my) bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan kursus-kursus yang mempunyai mata CCD.

### 3.0 Jenis- Jenis Permohonan

Jenis-jenis permohonan adalah seperti berikut:

- i. Pendaftaran Baru
- ii. Pembaharuan
- iii. Pendaftaran Semula
- iv. Kemaskini Maklumat Pendaftaran
- v. Kebenaran Khas menyertai tender diluar pengkhususan.
- vi. Kemaskini Maklumat Syarikat
- vii. Permohonan pembatalan pendaftaran CIDB
- viii. Pertukaran Jenis Syarikat

Semua permohonan di atas hendaklah dibuat secara atas talian (online). Setiap pemohon mestilah mempunyai ID pengguna untuk membuat sebarang permohonan melalui sistem CIMS

### 3.1 Cipta ID / Nama pengguna


Langkah pertama sebelum membuat apa-apa permohonan didalam sistem CIMS, setiap pemohon perlu mencipta ID/ Nama pengguna serta kata lalaun. ID / Nama pengguna akan dicipta berdasarkan email pemohon. Pemohon mestilah terdiri daripada salah seorang pengarah/pemilik syarikat sahaja. Seorang pemohon hanya boleh menjadi pemohon untuk satu syarikat yang berdaftar sahaja.

### 3.1.1

#### Carta Alir Permohonan Cipta ID / Nama Pengguna

Carta alir permohonan Cipta ID / Nama Pengguna adalah seperti dibawah.

#### Carta Alir Cipta ID/ Nama Pengguna



### 3.1.2

#### Skrin Permohonan Cipta ID / Nama Pengguna

Berikut adalah skrin permohonan Cipta ID/ Nama Pengguna didalam sistem CIMS.

- 1) Layari laman sesawang CIDB di "www.cidb.gov.my" dan klik pada ePerkhidmatan. Atau terus taip url "cimsapp.cidb.gov.my"
- 2) Bagi kontraktor sediaada (telah berdaftar CIDB) dan pertama kali menggunakan CIMS, sila klik antara salah satu pilihan di "kontraktor berdaftar". Sistem akan reset semula ID dan kata laluan yang baru.
- 3) Bagi kontraktor tiada pendaftaran CIDB, klik di "daftar baru" untuk mencipta ID pengguna



4) Buat pilihan jenis pengguna. Klik “syarikat”

5) Klik “teruskan”

6) Sila klik pada salah satu dari jenis pendaftaran yang hendak dibuat.

- i. Jika ingin berdaftar sebagai kontraktor tempatan klik “Kontraktor Tempatan”
- ii. Jika ingin daftar sebagai kontraktor Asing klik “Kontraktor Asing”
- iii. Jika ingin berdaftar sebagai kontraktor usahasama/konsortium klik “Kontraktor Usahasama”

7) Klik “teruskan”

The screenshot shows the CIMS (Centralized Information Management System) registration page. At the top, it says 'HOME'. Below that, it asks 'Sila pilih jenis pengguna untuk permohonan pendaftaran'. There are two dropdown menus: 'Syarikat' (circled with a blue '4') and 'Individu'. Below these are two buttons: 'Teruskan' (circled with a blue '5') and 'Kembali'. A second screenshot below shows the same page with the 'Syarikat' dropdown expanded, showing five options: 'Kontraktor Tempatan', 'Kontraktor Asing', 'Syarikat (Bukan Kontraktor)', 'Joint Venture Contractor', and 'International-Registered Contractor (IRC (Local Company))'. A red bracket groups these options, with a blue circle '6' next to it. At the bottom, the 'Individu' dropdown is visible with a blue circle '7' next to it.

8) Masukkan maklumat pemohon. Pemohon mestilah terdiri daripada salah seorang pengarah/pemilik syarikat. Seorang pengarah/pemilik syarikat hanya boleh menjadi pemohon untuk satu syarikat berdaftar sahaja.


9) Masukkan maklumat pengguna. Pengguna adalah individu (*admin*) yang mengendalikan permohonan pendaftaran samaada pengarah/pemilik syarikat atau pekerja syarikat yang digajikan.

10) Cipta ID>Nama pengguna dan kata laluan. Butiran Log Masuk ini akan digunapakai untuk mengakses akaun pendaftaran syarikat.

11) Klik “hantar” setelah lengkap mengisi semua maklumat.

The screenshot shows the 'Pemohon - Kontraktor Tempatan' registration page. It asks 'Pemohon mestilah sama ada Pengarah, Pemilik atau Ahli Lembaga'. There are several input fields: 'Nama Pemohon', 'Jawatan', 'No. KP', 'No. HP', and 'E-mel'. A red bracket groups these fields, with a blue circle '8' next to it. Below this is the 'User Profile' section, which asks 'Klik di sini jika butiran pengguna sama dengan Pemohon'. It has input fields for 'Nama', 'MyKadNo', 'H/P No.', and 'Jawatan / Peranan'. A red bracket groups these fields, with a blue circle '9' next to it. Below that is the 'Butiran Log Masuk' section, which has input fields for 'Nama Pengguna', 'Kata Laluan', and 'Masukkan semula Kata Laluan'. A red bracket groups these fields, with a blue circle '10' next to it. At the bottom, there is a 'submit' button (circled with a blue '11') and a light blue box with instructions: 'Sila simpan Kata Laluan CIM5 anda. Jangan kongsi kata laluan anda. CIDB Malaysia tidak akan meminta Kata Laluan anda.'

- 12) Pengesahan ID>Nama pengguna dan katalaluan akan dihantar kepada email pemohon.
- 13) Gunakan ID/nama pengguna dan kata laluan yang telah disahkan untuk mengakses masuk ke dalam akaun syarikat didalam CIMS.



### 3.2 Permohonan Pendaftaran Baru

Pendaftaran baru adalah permohonan yang dibuat oleh syarikat yang belum mempunyai pendaftaran dengan CIDB. Syarikat perlu mematuhi kriteria dan syarat-syarat pendaftaran. Kontraktor akan didaftarkan mengikut Gred, Kategori dan Pengkhususan yang layak. Tempoh pendaftaran baru adalah dua tahun dan kontraktor perlu mematuhi syarat-syarat berikut dalam tempoh tersebut:

- i. Hadir dan lulus Kursus Integriti dan Kod Etika Kontraktor
- ii. Memenuhi minima mata CCD
- iii. Hadir dan lulus kursus Pengurusan Bisnes (SKP) - bagi gred G1 hingga G3 yang tidak mempunyai Sijil Teknikal
- iv. Hadir dan lulus kursus Pengurusan Fasiliti (SKP) - bagi syarikat yang mempunyai kategori Fasiliti (F)
- v. Hadir dan lulus kursus Sijil Kecekapan Kemahiran Fasiliti (SKK) - bagi syarikat yang mempunyai kategori Fasiliti (F)

#### 3.2.1 Syarat Permohonan

Rujuk para 2.0 hingga 2.6 (ii)

#### 3.2.2 Yuran Proses

Rujuk Jadual A (*Yuran Proses*)

#### 3.2.3 Dokumen Sokongan

Rujuk Jadual B (*Jenis Permohonan dan Dokumen Sokongan*)


#### 3.2.4 Yuran Pendaftaran

Rujuk Jadual D (*Yuran Pendaftaran*)


### 3.2.5 Carta Alir Permohonan Baru Perakuan Pendaftaran Kontraktor

Carta alir permohonan Baru Perakuan Pendaftaran Kontraktor adalah seperti dibawah.

**Carta Alir Permohonan Baru Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**



Sambungan....








### 3.2.6 Skrin Permohonan Baru Perakuan Pendaftaran Kontraktor.

Berikut adalah skrin permohonan Baru Perakuan Pendaftaran Kontraktor didalam sistem CIMS.


- 1) Masukkan ID/nama pengguna dan kata laluan dan klik “Log Masuk”
- 2) Klik “Pendaftaran”
- 3) Klik “Pendaftaran Baru PPK” untuk membuat permohonan baru pendaftaran.




- 4) Maklumat pemohon yang telah disyitiharkan sebelum ini akan dipaparkan.
- 5) Sila pilih salah satu daripada jenis pendaftaran perniagaan syarikat.
- 6) Klik “seterusnya”
- 7) Laman “No Pendaftaran Perniagaan”. Masukkan nombor pendaftaran perniagaan syarikat dalam ruang tersedia mengikut format yang telah ditetapkan
- 8) Klik “hantar”



- 9) Jika permohonan dari syarikat ROB (tunggal/enterprise) dan ROC (Sdn Bhd/Berhad), skrin pembelian e-Info Services akan dipaparkan untuk tujuan pembelian data maklumat syarikat dari SSM E-Info Services. Jika sykt PLT/Sabah/Sarawak/SKM dan ROS skrin akan terus paparkan Laman “Maklumat Syarikat” untuk diisi.
- 10) Selesai pembelian data SSM, Klik semula “Pendaftaran” untuk meneruskan permohonan.



- 11) Klik “Teruskan PPK Baru”.
- 12) Laman “Maklumat Syarikat” akan dipapar. Jika permohonan dari syarikat ROC/ROB maklumat syarikat ditarik dari SSM E-Info Services dan akan dipaparkan pada medan tertentu (maklumat ini TIDAK BOLEH diubah). Masukkan maklumat-maklumat lain yang diperlukan pada medan-medan tersedia. Jika permohonan dari syarikat PLT/ Sabah/ Sarawak/ SKM dan ROS pemohon perlu mengisi pada semua medan-medan tersedia.
- 13) Klik “simpan & teruskan”
- 14) Sistem akan menjana kelayakan gred berdasarkan maklumat kewangan yang telah disyitihar.




15) Laman **“Pengarah/Pemilik/Ahli Lembaga Pengarah”**

Syarikat ROC maklumat Pengarah ditarik dari SSM E-Info Services. Hanya perlu kemaskini maklumat Warganegara, Bangsa dan Jantina.

16) Syarikat ROB maklumat Pemilik telah ditarik dari SSM E-Info Services. Kemaskini maklumat seperti syarikat ROC dan tambahan maklumat perlu dikemaskini ialah Jumlah Ekuiti dan % Ekuiti

17) Jika permohonan dari syarikat daftar perniagaan Sabah /Sarawak/ SKM/ ROS perlu klik **“tambah baru”** untuk memasukkan semua maklumat Pemilik/Ahli Lembaga Pengarah syarikat.

18) Klik **“simpan & teruskan”**



19) Laman **“Pemegang Saham”**.

Syarikat ROC maklumat pemegang saham ditarik dari SSM E-Info Services. Kemaskini Warganegara, Bangsa, dan Jantina sahaja.

20) Bagi syarikat ROB maklumat pemegang modal juga ditarik dari SSM E-Info Services dan dimasukkan di Laman Pengarah/Pemilik/Ahli Lembaga Pengarah”, pemohon perlu mengemaskini maklumat Warganegara, Bangsa, Jantina, Jumlah Ekuiti dan %Ekuiti.

21) Bagi syarikat daftar perniagaan di PLT/Sabah/Sarawak maklumat pemegang modal dimasukkan di Laman Pengarah/Pemilik/Ahli Lembaga Pengarah”.Klik **“tambah baru”** untuk memasukkan maklumat pemegang modal.

22) Bagi syarikat daftar dibawah ROS dan SKM tiada ruangan disediakan untuk memasukan pecahan modal kerana modal keseluruhan adalah hak milik sepenuhnya oleh syarikat.

23) Sistem akan menentukan samaada syarikat layak meneruskan pendaftaran sebagai kontraktor tempatan atau tidak berdasarkan maklumat pecahan saham/modal yang diisytihar.

24) Klik **“simpan & teruskan”**




- 25) Laman “Pengurusan Utama”. Klik “Tambah baru” untuk tambah maklumat (sekiranya ada).
- 26) Masukkan semua maklumat pengurusan pada medan-medan tersedia. Pilih pilihan tersedia daripada menu dropdown pada medan Warganegara, Bangsa dan jantina.
- 27) Klik “simpan” untuk menyimpan maklumat personel pengurusan utama. Maklumat personel pengurusan utama akan terpapar pada jadual.
- 28) Klik “simpan & teruskan”

- 29) Laman “Personel Teknikal”. Klik “tambah baru” untuk tambah maklumat (sekiranya ada).
- 30) Masukkan semua maklumat personel teknikal pada medan-medan tersedia. Pilih pilihan tersedia daripada menu dropdown pada medan Bangsa, jantina, Major akademik, Tahap akademik, tahun dianugerah. Sistem akan menyemak status personel teknikal dalam syarikat lain.
- 31) Muat naik sijil akademik personel teknikal dengan klik ‘pilih fail’ pada medan muat naik sijil.
- 32) Klik “simpan” untuk menyimpan maklumat personel teknikal. Maklumat personel teknikal akan dipaparkan pada jadual.
- 33) Klik “simpan & teruskan”
- 34) Sistem akan menjana kelayakan gred sebenar, kategori dan pengkhususan asas berdasarkan maklumat personel teknikal yang telah disyitih.


- 35) Laman **"Orang Kompeten".** Klik **"tambah baru"** untuk tambah maklumat (sekiranya ada).
- 36) Masukkan semua maklumat orang kompeten pada medan-medan tersedia. Pilih pilihan tersedia daripada menu dropdown pada medan Bangsa, Jantina, Agensi Pensijilan, Jenis Sijil, Tahun dianugerah.
- 37) Sistem akan menyemak status orang kompeten dalam syarikat lain.
- 38) Muat naik sijil akademik personel teknikal dengan klik 'Pilih Fail' pada medan Muatnaik Sijil.
- 39) Klik **"simpan"** untuk menyimpan maklumat orang kompeten. Maklumat orang kompeten akan dipaparkan pada jadual.
- 40) Klik **"simpan & teruskan"**
- 41) Sistem akan menjana kelayakan pengkhususan berdasarkan maklumat orang kompeten yang telah disyitihar.

- 42) Laman **"Agensi Pensijilan".** Klik **"tambah baru"** untuk tambah maklumat (sekiranya ada).
- 43) Masukkan semua maklumat pensijilan pada medan-medan tersedia. Pilih pilihan tersedia daripada senarai menu pada medan Jenis Sijil, Nama agensi pensijilan, tarikh anugerah, No pendaftaran pensijilan dan tarikh luput sijil.
- 44) Muat naik sijil Agensi dengan klik 'pilih fail' pada medan muatnaik sijil.
- 45) Klik **"simpan"** untuk menyimpan maklumat pensijilan. Maklumat Sijil Agensi akan dipaparkan pada jadual
- 46) Klik **"simpan & teruskan"**
- 47) Sistem akan menjana kelayakan pengkhususan berdasarkan maklumat pensijilan yang telah disyitihar.

- 48) Laman “Muatnaik Dokumen” . Klik “Tambah baru” untuk muat naik dokumen sokongan.
- 49) Pilih pilihan tersedia daripada senarai menu untuk memilih jenis dokumen sokongan yang hendak dimuatnaik.
- 50) Klik “Pilih Fail” untuk memuatnaik dokumen sokongan.
- 51) Klik “simpan” untuk menyimpan maklumat dokumen. Maklumat dokumen akan terpapar pada jadual
- 52) Klik “simpan & teruskan”




- 53) Laman “Draf Kelulusan Gred,Kategori dan Pengkhususan” yang disyorkan oleh sistem akan dipaparkan.
- 54) Laman “Draf Kelulusan” Sekiranya tidak bersetuju dengan draf yang disyorkan, sila klik :
  - i. Mohon Tukar (Request Change) : untuk mohon gred lebih rendah dari gred yang disyorkan oleh sistem.
  - ii. Lengkapkan Semula Maklumat (Modify Details) : untuk mohon gred lebih tinggi atau tambah pengkhususan lain berdasarkan orang kompeten/agensi pensijilan
  - iii. Jika bersetuju dengan **Draf Kelulusan Gred,Kategori dan Pengkhususan** yang disyorkan oleh sistem klik butang “Teruskan”



53) Laman “**Draf Kelulusan Gred,Kategori dan Pengkhususan**” yang disyorkan oleh sistem akan dipaparkan.

54) Laman “**Draf Kelulusan**” Sekiranya tidak bersetuju dengan draf yang dipaparkan, sila klik :



- i. Mohon Tukar (Request Change) : untuk mohon gred lebih rendah dari gred yang disyorkan oleh sistem.
- ii. Lengkapi Semula Maklumat (Modify Details) : untuk mohon gred lebih tinggi atau tambah pengkhususan lain berdasarkan orang kompeten/agensi pensijilan
- iii. Jika bersetuju dengan **Draf Kelulusan Gred,Kategori dan Pengkhususan**” yang disyorkan oleh sistem klik butang “**Teruskan**”



55) Laman “**Self Declaration**” . Baca pengakuan dan klik pada setiap kotak pernyataan. Jika bersetuju klik “setuju dan teruskan pembayaran” . Maklumat hanya boleh dikemaskini dalam tempoh 14 hari dari tarikh pertama kali permohonan dibuat. Jika lebih dari tempoh tersebut sistem akan membatalkan permohonan secara automatik.

56) Laman “**Arahan Pembayaran**” . Klik “cetak invois” untuk memilih cara bayaran.

57) Pilih salah satu antara 3 cara bayaran. Bayaran fee proses hendaklah dijelaskan dalam tempoh 7 hari dari tarikh permohonan dihantar. Jika melebihi tempoh tersebut permohonan akan terbatal secara automatik. Jika pilihan bayaran dikaunter, CIDB salinan performa invois perlu dikemukakan dikaunter untuk tujuan bayaran.



- 58) Setelah transaksi bayaran berjaya "transaction Details" akan dipaparkan. Sila klik "Cetak Resit" untuk mencetak resit rasmi bayaran yuran proses
- 59) Skrin resit rasmi bayaran yuran proses dipaparkan.
- 60) Klik "sila kembali ke Laman Utama"

The screenshot shows the CIMS interface for A.Z.H. ENTERPRISE (573338). The top navigation bar includes 'UTAMA', 'Profil', 'Menu Projek', and 'Help'. The 'Transaction Details' section shows:

- Receipt No: IPHQ317120007 (circled 58)
- Receipt Date: 27/12/2017 18:06:44
- Invoice No: IPHQ3171200077
- Currency: MYR
- Invoice Amount: 60.00 (circled 60)

Below this is a button 'Sila kembali ke Laman Utama' (circled 60). The main section displays a receipt titled 'RESEPT RASMI / INVOIS CUKAI' for 'LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMINAN MALAYSIA'. It includes details for 'A.Z.H. ENTERPRISE' and a table of payment items:

Tujuan Pembayaran	Kuantiti	No. Rujukan	Jumlah (RM)
1. FI PROSES PENDAFTARAN - PEMBAHARUAN (B4)	3	INHCCK1171230143 (PFHCCK1171200177)	30.00
2. FI PROSES PEMBAHARUAN SPKC	3	INHCCK1171230143 (PFHCCK1171200177)	30.00
<b>Jumlah</b>			<b>60.00</b>
<b>Tambah GST (6%)</b>			<b>0.00</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>60.00</b>

A yellow circle labeled '59' is placed over the receipt table. A button 'Sila kembali ke Laman Utama' is also visible at the bottom left.

- 61) Butang New PPK pada paparan utama akan bertukar kepada Papar Pendaftaran PPK .Klik pada "Papar Pendaftaran" PPK" Skrin maklumat yang telah disimpan akan dipaparkan. Untuk melihat maklumat-maklumat yang tersimpan sila klik pada laman yang berkenaan.
- 62) Permohonan akan diproses dalam tempoh 2 hari bekerja. Klik"lihat rekod permohonan" untuk semak status permohonan
- 63) Klik "Lihat rekod pembayaran" untuk menyemak status pembayaran.
- 64) Klik "lihat surat & sijil" untuk cetak surat keputusan permohonan.
- 65) Contoh surat keputusan permohonan.

The screenshot shows the CIMS interface for CHAMPLING SARI SDN. BHD. (624166-A). The main navigation bar includes 'LAMAN UTAMA', 'Profil', 'Project Menu', and 'Barisan'. The 'Pendaftaran' section has several buttons:

- 'Papar Pendaftaran PPK' (circled 61)
- 'Lihat Pendaftaran PPK' (circled 62)
- 'Lihat Rekod Pembayaran' (circled 63)
- 'Lihat Surat & Sijil' (circled 64)


Below these buttons is a section for 'MEMBAHARUI PENDAFTARAN' and 'Lain-lain PENDAFTARAN'. A yellow circle labeled '65' is placed over a sample decision letter titled 'PERMOHONAN PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK)'. The letter includes details for 'A.Z.H. ENTERPRISE' and 'LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMINAN MALAYSIA'.



66) Setelah menyemak status permohonan dan permohonan diluluskan, sila klik pada nombor permohonan untuk membuat bayaran yuran pendaftaran. Klik "cetak invois" untuk mencetak proforma invois dan memilih cara bayaran.


67) Salinan proforma Invois akan dipaparkan

68) Pilih salah satu antara 3 cara bayaran. Bayaran yuran pendaftaran hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan diluluskan. Jika melebihi tempoh tersebut permohonan akan terbatal secara automatik. Jika pilihan bayaran dikaunter, salinan proforma invois perlu dikemukakan dikaunter untuk tujuan bayaran.



69) Klik "lihat surat & sijil" untuk cetak sijil.

70) Sijil Maya Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) akan dipaparkan dan profil akan dikemaskini.



### 3.3 Permohonan Pembaharuan

Pembaharuan pendaftaran adalah permohonan yang dibuat bagi melanjutkan tempoh perakuan pendaftaran. Syarikat boleh membuat permohonan sekurang-kurangnya seratus dua puluh hari (120) sebelum tarikh luput Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK). Syarikat perlu mematuhi kriteria dan syarat-syarat pendaftaran dan bebas daripada tindakan tatatertib. Tempoh pendaftaran adalah diantara satu (1) hingga tiga (3) tahun bergantung kepada mata CCD yang terkumpul.

CIDB berhak untuk membuat penilaian semula gred/ kategori/ pengkhususan pendaftaran kontraktor sediaada berdasarkan dokumen/ maklumat yang diisytiharkan semasa pembaharuan.

#### 3.3.1 Syarat Permohonan

Rujuk para 2.0 hingga 2.6 (vi)

#### 3.3.2 Yuran Proses

Rujuk Jadual A (*Yuran Proses*)

#### 3.3.3 Dokumen Sokongan

Rujuk Jadual B (*Jenis Permohonan dan Dokumen Sokongan*)


#### 3.3.4 Yuran Pendaftaran

Rujuk Jadual D (*Yuran Pendaftaran*)


#### 3.3.5 Carta Alir Permohonan Pembaharuan.

Carta alir permohonan pembaharuan adalah seperti dibawah. Sekiranya syarikat mempunyai SPKK dan STB, pembaharuan hendaklah dibuat bersama-sama.

**Carta Alir Permohonan Pembaharuan**




Sambungan....




### 3.3.6 Skrin Permohonan Pembaharuan.

Berikut adalah skrin permohonan Pembaharuan didalam sistem CIMS. Sekiranya syarikat mempunyai SPKK dan STB, pemohon hendaklah memperbaharui bersama sijil-sijil tersebut


- 1) Masukkan ID/nama pengguna dan kata laluan. Klik “Log Masuk”
- 2) Klik profail untuk menyemak maklumat syarikat yang terdapat dalam pangkalan data CIDB.



- 3) Klik “Pendaftaran”
- 4) Klik “Memperbaharui Pendaftaran PPK” untuk membuat permohonan pembaharuan pendaftaran.



- 5) Klik “Ya” Jika ingin menukar maklumat Pemohon. Diingatkan bahawa pemohon adalah salah seorang pengarah/ pemilik syarikat dan hanya boleh membuat satu permohonan pendaftaran untuk satu syarikat sahaja.
- 6) Isi maklumat pemohon terkini. Sistem akan menyemak samaada maklumat pemohon baru yang disyiharkan telah wujud disyarikat lain atau tidak.
- 7) Klik “tidak” jika ingin kekal dengan maklumat Pemohon sediaada.
- 8) Klik “simpan” untuk meneruskan permohonan.



9) Klik “Tambah Maklumat CCD” untuk memasukkan maklumat mata CCD. Jika permohonan pembaharuan kali pertama, wajib isytiharkan maklumat kursus integriti / SKP dibahagian kursus mandatory.

10) Masukkan maklumat mata CCD disini. Sila rujuk Skema Mata CCD.

11) Klik “simpan”.

12) Selepas mata CCD dimasukkan sistem akan menunjukkan samaada mata CCD dimasukkan cukup/tidak untuk memperbaharui pendaftaran. Klik “teruskan” untuk ke paparan seterusnya.

Minimum CCD Points is Greater than or Equal 10. Not Eligible to Continue Renew PPK. Complete Training to Continue Renew

Save & Continue Add CCD 9

Programme Category	Programme SubCategory	Programme Sub-SubCategory	Programme Details	Programme Start Date	Programme End Date	CCD Points	Name/Company Name	IC/Passport No/Company No	KWSP No	SOCSO No	Permit No for Foreign Worker	Upload Documents
Convention, Forum, Seminar, Workshop, Lectures	Accredited Contractor Training Centre (Pusat Latihan)	Contractor Management Course (Kursus Pengurusan)	Pengubahsuaian	26/11/2017	29/11/2017	40	Sabiah Bt Ahmad	800507086088	123456	-	-	SURIA_RAHM...DN_BHD.pdf

Programmes Entitled for CCD Points

Programme Category	Programme SubCategory	Programme Sub-SubCategory	Programme Details	Programme Start Date	Programme End Date	CCD Points	Name/Company Name	IC/Passport No/Company No	KWSP No	SOCSO No	Permit No for Foreign Worker	Upload Documents
Convention, Forum, Seminar, Workshop, Lectures, Course, Training	Accredited Contractor Training Centre (Pusat Latihan)	Contractor Management Course (Kursus Pengurusan)	Pengubahsuaian	26/11/2017	29/11/2017	40	Sabiah Bt Ahmad	800507086088	123456	-	-	SURIA_RAHM...DN_BHD.pdf

Current CCD Point is: 40

Continue 12

13) Jika permohonan dari syarikat ROC (Sdn Bhd/Bhd) dan ROB (Enterprise) link pembelian SSM akan terpapar. Pemohon perlu membeli maklumat syarikat dari SSM. Seterusnya skrin pilihan pembaharuan akan dipaparkan.

14) Jika permohonan dari syarikat PLT/Sabah/Sarawak/SKM/ROS skrin akan terus memaparkan pilihan permohonan. Sekiranya syarikat mempunyai ketiga-tiga sijil, sistem akan terus mengesyorkan supaya perbaharui ketiga-tiga sijil. Tetapi syarikat masih diberi peluang untuk memilih permohonan yang hendak diteruskan.

15) Klik “teruskan” untuk ke skrin seterusnya

SURUHJAJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

Sila Hubungi +603 4045 8886 Call Center

You have been re-directed to SURUHJAJAYA SYARIKAT MALAYSIA SSM e-Info Services from a third party website

Result for  
COMPANY REGISTRATION NO : 776655 13

No	Co. Ref No	Company Name	Confirm to Purchase
1	776655-v	PIRAHD SUN SDN. BHD.	Confirm to Purchase

Back to Search

Please ensure that company / business selected is correct.  
Proceed with Payment to SSM (You need to be e-Akaun prepaid customer or having visa / mc credit card or users of internet banking)

Disclaimer: The SSM e-Info Services is not liable for any loss or damage caused by the usage of any information obtained from this website.  
© Copyright 2004 Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Companies Commission of Malaysia). All rights Reserved. Services and Technology provided by Raffles Communication Sdn. Bhd. (490519 U)

Please do not select (do not tick) the box below if you only want to renew PPK


Pesanan Pendaftaran Kontraktor (PK)

Sijil Pendaftaran Pengusaha (SPK)


Sijil Terak Bumpustera (STB)

Continue 15


- 16) Klik di "current CGS" untuk melihat gred, kategori dan pengkhususan sediaan.
- 17) Maklumat Gred, Kategori dan Pengkhususan sediaan akan dipaparkan.




- 18) Laman "Maklumat Syarikat"
  - i) Jika permohonan dari syarikat ROC (Sdn Bhd/Bhd) dan ROB (Enterprise) maklumat nama syarikat, jenis perniagaan, alamat berdaftar (ROC)/ alamat perniagaan (ROB) dan modal berbayar (ROC) telah ditarikh dari pembelian data SSM. Maklumat ini tidak boleh diubah. Maklumat lain-lain perlu diisi/dikemaskini oleh pemohon..
  - ii) Jika permohonan dari syarikat Sabah/ Sarawak/ PLT/ SKM dan ROS, semua maklumat di Laman Maklumat Syarikat perlu di isi/dikemaskini dengan lengkap oleh pemohon.
- 19) Klik "simpan & teruskan" untuk ke paparan seterusnya. Sistem akan menjana kelayakan gred berdasarkan maklumat kewangan yang telah disyitihar.



- 20) Laman **“Pengarah/Pemilik/Ahli Lembaga Pengarah”**
  - Syarikat ROC maklumat Pengarah ditarik dari SSM E-Info Services. Hanya perlu kemaskini maklumat Warganegara, Bangsa dan Jantina.
- 21) Atau jika Syarikat ROB maklumat Pemilik telah ditarik dari SSM E-Info Services. Kemaskini maklumat seperti syarikat ROC dan tambahan maklumat perlu dikemaskini ialah Jumlah Ekuiti dan % Ekuiti
- 22) Atau jika permohonan dari syarikat daftar perniagaan PLT/Sabah /Sarawak/ SKM/ ROS perlu klik **“tambah baru”/“pinda”/“buang”** untuk memasukkan/mengemaskini semua maklumat Pemilik/Ahli Lembaga Pengarah syarikat.
- 23) Klik **“simpan & teruskan”**



- 24) Laman **“Pemegang Saham”**. Syarikat ROC maklumat pemegang saham ditarik dari SSM E-Info Services. Kemaskini Warganegara, Bangsa, dan Jantina sahaja.
- 25) Bagi syarikat ROB maklumat pemegang modal juga ditarik dari SSM E-Info Services dan dimasukkan di Laman Pengarah/Pemilik/Ahli Lembaga Pengarah”, pemohon perlu mengemaskini maklumat Warganegara, Bangsa, Jantina, Jumlah Ekuiti dan %Ekuiti.
- 26) Bagi syarikat daftar perniagaan di PLT/Sabah/Sarawak maklumat pemegang modal dimasukkan di Laman Pengarah/Pemilik/Ahli Lembaga Pengarah”. Klik **“tambah baru”** untuk memasukkan maklumat pemegang modal.
- 27) Bagi syarikat daftar dibawah ROS dan SKM tiada ruangan disediakan untuk memasukan pecahan modal kerana modal keseluruhan adalah hak milik sepenuhnya oleh syarikat.
- 28) Sistem akan menentukan samaada syarikat layak meneruskan pendaftaran sebagai kontraktor tempatan atau tidak berdasarkan maklumat pecahan saham/modal yang diisytihar.
- 29) Klik **“simpan & teruskan”**



30) Laman “Pengurusan Utama”  
Maklumat Pengurusan utama  
sediaada akan dipaparkan  
Klik “tambah baru” / “pinda”  
/ “padam”

31) Masukkan / kemaskini maklumat  
pengurusan utama syarikat  
(sekiranya ada)

32) Klik “simpan”

33) Maklumat yang telah dimasukkan  
akan dipaparkan dijadual dan klik  
“simpan & teruskan”

34) Laman “Personel Teknikal” wajib  
diisi bagi syarikat berdaftar dibawah  
gred G4 ke atas. Bagi gred G1  
hingga G3 boleh diisi sekiranya ada.  
Sistem akan memaparkan  
maklumat sediaada yang terdapat  
dalam pangkalan data CIBD,.

35) Kemaskini maklumat tersebut  
samaada “Padam” buang nama /  
“Pinda” kemaskini , Sistem akan  
menyemak status PT / “ Tambah  
baru” tambah personel teknikal.

36) Kemaskini/tambah baru personel  
teknikal (PT).Sistem akan  
menyemak status PT

37) Klik “pilih fail” untuk muatnaik  
dokumen (wajib).

38) Maklumat personel teknikal akan  
dipaparkan pada jadual dan klik  
“simpan & teruskan”



39) Laman “Maklumat Orang Kompeten”, sistem akan memaparkan draf “petunjuk gred”/ gred yang layak berdasarkan maklumat kewangan dan Personel Teknikal yang telah diisytiharkan.


40) Sistem akan memaparkan maklumat orang kompeten sediaada. Klik “tambah baru” /”padam”/”pinda untuk mengemaskini maklumat (sekiranya ada ).

41) Isi / kemaskini maklumat orang kompeten

42) Klik “pilih fail” untuk muatnaik dokumen wajib)

43) Klik “simpan”

44) Maklumat yang telah dimasukkan akan dipaparkan pada jadual. Klik “simpan & teruskan”



45) Draft “pengkhususan” akan dipapar setelah maklumat orang kompeten dimasukkan.


46) Laman “Pensijilan Agensi” diisi sekiranya ada. Maklumat pensijil sediaada akan dipaparkan. Klik “tambah baru”/”padam”/”pinda” untuk mengemaskini maklumat pensijilan agensi.

47) Isi / kemaskini maklumat Pensijilan agensi. Pastikan sijil pendaftaran dengan agensi lain adalah masih dalam tempoh sahlaku.

48) Klik “pilih fail” untuk muatnaik dokumen (wajib)

49) Klik “simpan”

50) Maklumat pensijilan agensi akan dipaparkan pada jadual. Klik “simpan & teruskan”





51) Laman **“Muatnaik Dokumen”** . Klik **“Tambah baru”** untuk muat naik dokumen sokongan. Sila rujuk jadual Dokumen Sokongan

52) Pilih pilihan tersedia daripada senarai menu untuk memilih jenis dokumen sokongan yang hendak dimuatnaik.

53) Klik **“Pilih Fail”** untuk memuatnaik dokumen sokongan.

54) Klik **“simpan”** untuk menyimpan maklumat dokumen. Semua dokumen yang telah dimuatnaik akan dipaparkan di laman ini. Semakan semula dokumen yang telah dimuatnaik boleh dibuat disini sebelum menghantar permohonan

55) Klik **“simpan & teruskan”**





56) Laman **“Draf Kelulusan Gred, Kategori dan Pengkhususan” GKP** yang disyorkan oleh sistem akan dipaparkan.

57) Laman **“Draf Kelulusan”** . Draf GKP yang disyorkan oleh sistem dan GKP sediaada akan dipaparkan. Sekiranya tidak bersetuju dengan draf yang disyorkan, sila klik :


i. Mohon Tukar (Request Change) : untuk mohon gred lebih rendah dari gred yang disyorkan oleh sistem atau kembali kepada gred sediaada.

ii. Lengkapi Semula Maklumat (Modify Details) : untuk mohon gred lebih tinggi atau tambah pengkhususan lain berdasarkan orang kompeten/agensi pensijilan


iii. Jika bersetuju dengan Draf GKP yang disyorkan oleh sistem klik butang **“Teruskan”**



- 58) Laman “Kursus & Mata CCD” , jumlah mata CCD yang telah dimasukkan akan dipaparkan disini.
- 59) Sekiranya masih ada mata CCD hendak ditambah, klik “tambah CCD program”
- 60) Jika tiada klik “teruskan”
- 61) Laman “Tahun Pembaharuan” . Sistem akan memberi pilihan tempoh tahun pembaharuan berdasarkan maklumat mata CCD yang telah dimasukkan. Pilih tempoh pembaharuan.
- 62) Klik “teruskan” untuk ke paparan seterusnya.



- 63) Skrin pemakluman pembaharuan PPK selesai akan dipaparkan. Klik “sambung pembaharuan SPKK” atau klik “sambung untuk bayaran” sekiranya tidak mahu meneruskan pembaharuan SPKK.




**TAMAT PEMBAHARUAN PERAKUAN  
PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK)**

- 64) Senarai semak SPKK akan dipaparkan. Klik “teruskan”
- 65) Senarai penama SPKK sediaada akan dipaparkan.
- 66) Klik “Ya” untuk kemaskini maklumat penama.
- 67) Klik “simpan & teruskan” untuk ke paparan seterusnya.



- 68) Laman “SPKK & STB” Klik “tambah baru” untuk tambah penama atau “kemaskini”/ “padam” utk kemaskini maklumat penama SPKK sediaada.
- 69) Kemaskini maklumat Penama. Pilihan penama SPKK hanya boleh dibuat daripada senarai yang terdapat dalam maklumat Pengarah/Pemilik/ Pengurusan Utama/ Personel teknikal dan Orang kompeten sahaja.
- 70) Klik “simpan”
- 71) Maklumat penama SPKK yang telah dikemaskini akan dipaparkan pada jadual. Klik “simpan & teruskan”



- 72) Skrin pemakluman pembaharuan SPKK selesai akan dipaparkan. Klik “sambung pembaharuan STB” atau klik “sambung untuk bayaran” sekiranya tidak mahu meneruskan pembaharuan STB.



## TAMAT PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (SPKK)

- 73) Laman “SPKK & STB” Klik “ya” untuk mengemaskini maklumat bank dan penandatanganan cek disini.

- 74) Klik “teruskan”

- 75) Klik “tambah baru”/”padam”/”pinda” untuk mengemaskini maklumat bank dan penandatanganan cek.

- 76) Muatnaik maklumat penandatanganan cek.

- 77) Maklumat bank dan penandatanganan cek akan dipaparkan pada jadual.

- 78) Klik “simpan & teruskan”




79) Laman “SPKK & STB” Klik “tambah baru” untuk muatnaik dokumen. Sila rujuk jadual untuk memuatnaik dokumen yang berkaitan. Kegagalan memuatnaik dokumen seperti yang telah ditetapkan akan mengakibatkan permohonan digagal.

80) Senarai dokumen yang telah dimuatnaik akan dipaparkan pada jadual.


81) Klik “simpan & teruskan”

82) Baca dan klik setiap kotak pengakuan.

83) Klik “teruskan” untuk ke paparan seterusnya.



84) Skrin pemakluman pembaharuan STB selesai akan dipaparkan. Klik “sambung untuk bayaran”.



**TAMAT PEMBAHARUAN SIJIL TARAF BUMIPUTERA (STB)**

85) Laman “Pengesahan Bayaran”. Klik “cetak invois”.

86) Profoma invois akan dipaparkan.

87) Klik pada salah satu kaedah cara bayaran. Yuran proses hendaklah dibayar dalam tempoh 7 hari dari tarikh permohonan dihantar. Sekiranya melebihi tempoh tersebut, permohonan akan batal secara automatik. Jika memilih utk membuat bayaran melalui kaunter CIDB, sila bawa bersama Profoma Invois untuk urusan pembayaran yuran proses.

**Profoma Invoice Details**

A.Z.H. ENTERPRISE  
 PBLU, BLOK 8, TINGKAT 2 KOMPLEKS CIDB WILAYAH SARAWAK JALAN SULTAN TENGAH, PETRA JAYA, KUCHING, SARAWAK

Invoice No: PFHQK117200177  
 Invoice Date: 27/12/2017  
 Credit Period: 15 Days  
 Reference No: 0041320171213017001  
 GST ID: 000825646464

Item	Qty	Unit Price	Amount
FI PROSES PENDAFTARAN - PEMBAHARUAN (R2)	1	30.00	30.00
FI PROSES PEMBAHARUAN SPKK	1	30.00	30.00
<b>Total BNE</b>			<b>60.00</b>
<b>GST (6%)</b>			<b>3.60</b>
<b>Total Grand BNE</b>			<b>63.60</b>

**Note: Print the invoice to activate the payment options.**

Print Invoice | Pay Later | Pay at Counter | Pay Online by Credit Card | Pay Online by Net Banking

**85** (on Print Invoice button) | **87** (on Pay at Counter button)

**86** (on the main invoice table)

88) Setelah bayaran berjaya dibuat “transaction Details” akan dipaparkan. Sila klik “Print Receipt”.

89) Resit rasmi bayaran akan dipaparkan.

90) Klik “sila kembali ke laman utama” untuk ke paparan akaun syarikat semula

**Transaction Details**

Receipt No: 8HQF11124207  
 Receipt Date: 27/12/2017 18:06:46  
 Invoice No: PFHQK117200177  
 Currency: MYR  
 Invoice Amount: 60.00

**88** (on Print Receipt button)

**90** (on Sila kembali ke Laman Utama button)


**89** (on the main invoice table)

91) Permohonan akan diproses dalam tempoh 2 hari bekerja. Klik “lihat rekod permohonan” untuk semak status permohonan

92) Klik “papar surat & sijil” untuk cetak surat keputusan.

93) Surat keputusan akan dipaparkan.



94) Jika permohonan diluluskan, nombor permohonan akan tertera dalam kotak “bayaran yang perlu dibayar”. Klik pada nombor permohonan untuk membuat bayaran yuran pendaftaran.



95) Klik “cetak invoice”.


96) Profoma Invois akan dipaparkan.

97) Klik pada salah satu kaedah cara bayaran. Yuran pendaftaran hendaklah dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan diluluskan Sekiranya melebihi tempoh tersebut, permohonan akan batal secara automatik. Jika memilih utk membuat bayaran melalui kaunter CIDB, sila bawa bersama Profoma Invois untuk urusan pembayaran yuran pendaftaran.






98) Setelah bayaran berjaya dibuat “transaction Details” akan dipaparkan. Sila klik “Print Receipt”.




99) Resit rasmi bayaran akan dipaparkan.




100) Klik “sila kembali ke laman utama” untuk ke paparan akaun syarikat semula

101) Klik “lihat surat dan sijil” dan klik “sijil” untuk mencetak sijil .



102) Sijil Maya Perakuan Pendaftaran Kontraktor akan dipaparkan dan profil akan dikemaskini.

103) Ulang langkah 101 dan 102 sekiranya pemohon membuat permohonan pembaharuan SPKK dan STB bersekali. Adalah diingatkan bahawa permohonan SPKK hanya akan diproses oleh pihak CIDB setelah bayaran yuran pendaftaran PPK dijelaskan. Dan permohonan STB akan diproses oleh pihak BPKU setelah permohonan SPKK diproses oleh CIDB.



### **3.4 Pendaftaran Semula**

Pendaftaran semula adalah permohonan pembaharuan yang dibuat selepas tarikh luput perakuan pendaftaran. Syarikat perlu mematuhi kriteria dan syarat-syarat pendaftaran dan bebas daripada tindakan tatatertib. Tempoh pendaftaran adalah diantara satu (1) hingga tiga (3) tahun bergantung kepada mata CCD yang terkumpul. CIDB berhak untuk membuat penilaian semula gred/ kategori/ pengkhususan pendaftaran kontraktor sediaada berdasarkan dokumen/ maklumat yang diisytiharkan semasa pendaftaran semula.

#### **3.4.1 Syarat Permohonan**

Rujuk para 2.0 hingga 2.6 (vi)

#### **3.4.2 Yuran Proses**

Rujuk Jadual A (*Yuran Proses*)

#### **3.4.3 Dokumen Sokongan**

Rujuk Jadual B (*Jenis Permohonan dan Dokumen Sokongan*)

#### **3.4.4 Yuran Pendaftaran**

Rujuk Jadual D (*Yuran Pendaftaran*)

#### **3.4.5 Carta Alir Permohonan Pendaftaran Semula.**

Carta alir permohonan pembaharuan semula sama seperti carta alir permohonan pembaharuan. Rujuk para 3.3.5.

#### **3.4.6 Skrin Permohonan Pendaftaran Semula.**

Skrin permohonan pembaharuan semula sama seperti skrin permohonan pembaharuan. Rujuk para 3.3.6

### **3.5 Kemaskini Maklumat Pendaftaran**

Kemaskini maklumat pendaftaran adalah permohonan yang dikemukakan oleh kontraktor untuk membuat perubahan :

- i. Gred
- ii. Kategori / Pengkhususan
- iii. Maklumat Personel Teknikal/ Orang Kompeten/ Sijil Agensi
- iv. Kemaskini Modal / Pemegang Saham

#### **3.5.1 Perubahan Gred**

- i. Permohonan perubahan gred yang dibenarkan adalah turun gred atau naik gred. Walaubagaimanapun permohonan turun gred ke G1 tidak dibenarkan sekiranya syarikat memiliki SPKK. Sekiranya berbuat demikian, SPKK akan terbatal dan secara automatik STB juga akan dibatalkan.
- ii. Maklumat yang perlu dikemaskini semasa membuat permohonan perubahan gred adalah maklumat kewangan/ maklumat pemegang saham modal/ maklumat personel teknikal.
- iii. Syarikat perlu mematuhi kriteria dan syarat-syarat pendaftaran serta bebas daripada tindakan tatatertib.
- iv. Tempoh tamat sah laku Perakuan Pendaftaran adalah bermula dari tarikh yuran pendaftaran dijelaskan sehingga tarikh luput Perakuan Pendaftaran semasa.
- v. Sekiranya baki tempoh pendaftaran kurang daripada seratus dua puluh (120) hari dari tarikh luput, permohonan tersebut boleh dibuat bersekali dengan permohonan

pembaharuan. Tempoh sah laku Perakuan Pendaftaran adalah bermula dari tarikh yuran pendaftaran dijelaskan sehingga tempoh pembaharuan yang telah diluluskan.

- vi. Yuran proses RM50.00
- vii. Yuran Pendaftaran kenaikan gred ialah perbezaan antara yuran gred baru dan yuran pembaharuan / pendaftaran semula gred sebelumnya dan yuran pendaftaran turun gred ialah RM100.00

### 3.5.2 Perubahan Kategori /Pengkhususan

- i. Maklumat yang perlu dikemaskini semasa membuat permohonan perubahan kategori adalah maklumat personel teknikal.
- ii. Manakala untuk permohonan perubahan pengkhususan, maklumat yang perlu dikemaskini adalah maklumat orang kompeten/ sijil pendaftaran agensi / membuat pengisytiharan projek sekiranya permohonan pengkhususan adalah berkaitan dengan bukti kerja
- iii. Tambahan pengkhususan boleh dipohon sekiranya syarikat dapat membuktikan salah satu daripada berikut:-
  - Syarikat telah melaksanakan kerja dalam pengkhususan yang dipohon dengan mengemukakan surat tawaran kerja atau bukti siap kerja
  - Mempunyai Orang Kompeten berkaitan dalam bidang tersebut(**rujuk lampiran 6**)
  - Pendaftaran dengan mana-mana agensi pendaftar di bawah Akta Parlimen (**rujuk lampiran 6**)
  - Mempunyai Sijil Kecekapan Pengurusan (SKP) yang dikeluarkan oleh CIDB di dalam bidang yang dipohon.
  - Mempunyai personel teknikal yang berpengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan / perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital)
- iv. Bagi permohonan tambah kategori Fasiliti (F) hanya syarikat ROC/SKM/ROS yang berdaftar gred G4 ke atas sahaja dibenarkan untuk memohon.
- v. Syarikat perlu mematuhi kriteria dan syarat-syarat pendaftaran serta bebas daripada tindakan tatatertib.
- vi. Tempoh tamat sah laku Perakuan Pendaftaran adalah bermula dari tarikh yuran pendaftaran dijelaskan sehingga tarikh luput Perakuan Pendaftaran semasa.
- vii. Sekiranya baki tempoh pendaftaran kurang daripada seratus dua puluh (120) hari dari tarikh luput, permohonan perubahan kategori/pengkhususan berdasarkan personel teknikal/ orang kompeten/ sijil agensi boleh dibuat bersama dengan permohonan pembaharuan, tempoh sah laku Perakuan Pendaftaran adalah bermula dari tarikh yuran pendaftaran dijelaskan sehingga tempoh pembaharuan yang telah diluluskan.
- viii. Yuran proses RM30.00
- ix. Yuran Pendaftaran RM100.00

### 3.5.3 Perubahan maklumat Personel Teknikal/ Orang Kompeten/ Sijil Agensi

- i. Maklumat personel teknikal /orang kompeten dan sijil agensi perlu dikemaskini sekiranya terdapat perubahan dari masa ke semasa. Samaada perubahan tersebut memberi kesan atau tidak kepada gred/kategori/pengkhususan pendaftaran, syarikat wajib berbuat demikian bagi memastikan maklumat syarikat yang terdapat dalam pangkalan data CIDB adalah yang terkini.
- ii. Syarikat perlu mematuhi kriteria dan syarat-syarat pendaftaran serta bebas daripada tindakan tatatertib.
- iii. Sekiranya perubahan memberikan kesan kepada gred/kategori/pengkhususan pendaftaran, sijil Perakuan Pendaftaran akan dikeluarkan. Jika tidak, hanya surat kelulusan permohonan

perubahan maklumat akan diberikan.


- iv. Yuran proses RM30.00
- v. Sekiranya perubahan menyebabkan gred pendaftaran diturunkan yuran pendaftaran yang dikenakan adalah RM100.00/ atau jika gred pendaftaran naik yuran adalah perbezaan antara yuran gred baru dan yuran pembaharuan / pendaftaran semula gred sebelumnya.

### 3.5.4 Pemegang saham/ modal


- i. Maklumat perubahan pemegang saham / modal perlu dikemaskini sekiranya terdapat perubahan dari masa ke semasa. Samaada perubahan tersebut memberi kesan atau tidak kepada gred/kategori/pengkhususan pendaftaran, syarikat wajib berbuat demikian bagi memastikan maklumat syarikat yang terdapat dalam pangkalan data CIDB adalah yang terkini.
- ii. Syarikat perlu mematuhi kriteria dan syarat-syarat pendaftaran serta bebas daripada tindakan tatatertib.
- iii. Sekiranya perubahan memberikan kesan kepada gred/kategori/pengkhususan pendaftaran, sijil Perakuan Pendaftaran akan dikeluarkan. Jika tidak, hanya surat kelulusan permohonan perubahan maklumat akan diberikan.
- iv. Yuran proses RM30.00
- v. Sekiranya perubahan menyebabkan gred pendaftaran diturunkan yuran pendaftaran yang dikenakan adalah RM100.00/ atau jika gred pendaftaran naik yuran adalah perbezaan antara yuran gred baru dan yuran pembaharuan / pendaftaran semula gred sebelumnya.

### 3.5.5 Carta Alir Permohonan Kemaskini Pendaftaran

Carta alir permohonan Kemaskini Pendaftaran adalah seperti dibawah.




sambungan....



### 3.5.6 Skrin Permohonan Kemaskini Pendaftaran

Berikut adalah skrin permohonan Kemaskini Pendaftaran didalam sistem CIMS.


- 1) Masukkan ID/nama pengguna dan kata laluan.Klik “Log masuk”.
- 2) Klik “Kemaskini Pendaftaran” untuk membuat permohonan upgrade/tambah kategori/tambah pengkhususan/kemaskini maklumat teknikal/kemaskini maklumat pemegang modal



3) Maklumat pendaftaran sediaada akan dipaparkan. Klik "Ya" untuk meneruskan permohonan.

4) Jika ingin membuat permohonan tambah pengkhususan sahaja atau mengemaskini maklumat personel teknikal sahaja sila klik "tidak" atau jika ingin buat permohonan naik gred dan maklumat kewangan sediaada telah memenuhi syarat dengan gred dipohon klik "tidak"

5) Jika ingin buat permohonan naik gred tetapi maklumat kewangan tidak bersesuaian dengan gred dipohon klik "Ya" untuk kemaskini modal. Sekiranya permohonan dari syarikat ROC dan ROB link SSM akan dipapar untuk pembelian data SSM E-Info Services atau sekiranya permohonan dari syarikat PLT/ Sabah/ Sarawak/ SKM /ROS sistem akan terus memaparkan skrin maklumat kewangan untuk dikemaskini.





6) "Laman Maklumat Kewangan". Sekiranya permohonan dari syarikat ROC modal berbayar ditarik dari SSM melalui pembelian data e-info SSM.

7) Sekiranya permohonan dari syarikat ROB/PLT/Sabah/Sarawak/SKM/ROS modal terkumpul perlu dikemaskini oleh pemohon.

8) Klik "pilih fail" untuk memuatnaik dokumen maklumat kewangan bulan terkini.

9) Klik "simpan & teruskan"





10) **“Laman pemegang saham /pemilik /rakan kongsi.** Sekiranya permohonan dari syarikat ROC, maklumat telah ditarik dari SSM. Hanya perlu kemaskini warganegara,bangsa dan jantina.

11) Sekiranya syarikat ROB nama dan IC rakan kongsi ditarik dari SSM.Maklumat lain perlu dikemaskini.

12) Sekiranya permohonan dari syarikat PLT/Sabah/ Sarawak semua maklumat perlu dikemaskini oleh pemohon. Bagi syarikat SKM dan ROS tidak perlu untuk mengisi maklumat pemegang modal kerana modal keseluruhan adalah milik syarikat sepenuhnya.

13) Klik “simpan & teruskan” jika ingin buat permohonan seterusnya.





14) **“Laman Personel teknikal”** maklumat p sediaada akan dipaparkan (sekiranya ada). Klik “pinda/ padam/ tambah baru” untuk kemaskini /masukkan maklumat . Jika permohonan perubahan personel teknikal bertujuan untuk permohonan naik gred pendaftaran sediaada, pastikan maklumat personel teknikal yang dimasukkan bersesuaian dengan gred yang dipohon.

15) Sistem akan menyemak status personel teknikal dalam syarikat lain. Seorang teknikal hanya boleh berada dalam satu syarikat berdaftar sahaja.

16) Klik “pilih fail” untuk muatnaik sijil akademik.

17) Klik “simpan”

18) Maklumat yang telah diisytihar akan dipaparkan dijadual. Sistem akan menjana kelayakan gred sebenar, kategori dan pengkhususan. Berhenti disini dan klik “terus ke pembayaran”. sekiranya ingin membuat permohonan naik gred ,kemaskini kewangan , pemegang modal dan Personel Teknikal sahaja.Jika ingin membuat permohonan tambah pengkhususan klik “simpan & teruskan”.




19) **“Laman Orang Kompeten”**. Perlu diisi sekiranya mohon tambah pengkhususan berdasarkan kelayakan orang kompeten. Maklumat sediaada akan dipaparkan (sekiranya ada). Klik “pinda/ padam/ tambah baru” untuk kemaskini /masukkan maklumat.

